

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil.55

Hari Isnin

27 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J.,
A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT

Isnin, 27 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**LEBUH RAYA GEMAS-SEGAMAT-KLUANG-KULAI-PASIR GUDANG -
JUMLAH PERUNTUKAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN**

1. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai projek pembinaan lebuhraya yang dirancang untuk menghubungkan Gemas, Segamat, Kluang, Kulai dan Pasir Gudang sepanjang 265 km:

- (a) berapa peruntukan yang akan dibelanjakan; dan
- (b) bila ia akan dilaksanakan dan berapa lama tempoh projek ini dijangka siap.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Gemas ke Pasir Gudang akan dilaksanakan secara penswastaan. Pada masa ini rundingan untuk menetapkan syarat dan terma perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan pihak konsortium terlibat sedang dijalankan dan dijangka dapat dimuktamadkan tidak lama lagi. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM2,820 juta dan akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi.

Kerja-kerja bagi pembinaan projek akan dilaksanakan sebaik sahaja perjanjian konsesi dimuktamadkan dan ditandatangani di antara kerajaan dengan pihak konsortium. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun, iaitu dikira mulai tarikh perjanjian konsesi ditandatangani dan kita jangka ianya akan disiapkan pada tahun 2001.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, apabila sebut konsortium yang akan melaksanakan secara penswastaan, jadi timbul juga mungkin kadar tol dan sebagainya. Saya sebagai seorang wakil dari kawasan Kluang ini ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, konsortium mana yang berjaya untuk mendapat kontrak ini? Di kawasan Kluang ini kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menyatakan lokasi mana ataupun lebih kurang di arah mana jalan ini akan disambung ke bandar Kluang dan adakah ia ada alternatif untuk disambung ke Lapangan Terbang Senai juga?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat konsortium ada empat anggotanya iaitu Syarikat Shuhada Makmur Sdn. Bhd., MMC Bhd., Pembinaan Tegap Bhd. dan Bumi Highway Sdn. Bhd.

Bagi soalan yang kedua, oleh kerana ianya perlukan detail sedikit, saya tidak ada maklumatnya bersama-sama saya, saya akan menjawab soalan ini secara bertulis.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu oleh kerana ini adalah projek penswastaaan, adakah di dalam menyiapkan perjanjian dengan konsortium ini, pihak kerajaan akan mengambil kira pengalaman-pengalaman lama khususnya pengalaman bersama dengan PLUS di mana akan diwujudkan clause-clause tertentu bahawa pihak kerajaan juga boleh mengkaji semula kadar-kadar tol yang akan dikenakan. Saya bertanya demikian kerana saya dapat tahu di dalam perjanjian dengan PLUS sekarang ini kerajaan tidak mempunyai satu kuasa terus di dalam perjanjian untuk mengkaji semula kadar tol yang dituntut oleh pihak pemenang konsesi tersebut.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan lebuh raya secara penswastaaan adalah satu cara di mana oleh kerana kosnya tinggi dan untuk pembangunan di seluruh lebuh raya dan juga untuk keselesaan pengguna jalan raya, keselamatan dan penjimatan masa, penswastaaan dari prinsipnya memang adalah satu cara di mana kerajaan dapat melaksanakan projek besar seperti ini. Dengan pengalaman kita yang ada sekarang memanglah semua apa yang telah berlaku dahulu kita ambil kira untuk menjaga rakyat jelata. Saya fikir semua syarat ini telah pun diteliti dengan mendalamnya dan akan diambil kira para pengguna dan saya tahu juga syarat-syarat, terma-terma di semua perjanjian konsesi yang baru telah pun diambil kira dalam kita membuat perjanjian itu.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA - MEMPERKENALKAN SKIM KHAS AKAUN PENDIDIKAN

2. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihaknya akan memperkenalkan skim khas atau akaun pendidikan bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tujuan membiayai pendidikan anak-anak pencarum atau pencarum itu sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini KWSP tidak menyediakan skim khas untuk mengeluarkan caruman bagi tujuan membiayai pendidikan anak-anak ahli ataupun ahli sendiri. Sebarang cadangan untuk memperkenalkan skim pengeluaran baru akan menjejaskan simpanan ahli dan tidak selaras dengan objektif penubuhan KWSP, iaitu bagi memastikan ahli-ahli mempunyai simpanan yang mencukupi untuk keselesaan dan kesejahteraan apabila bersara kelak. Walau bagaimanapun, KWSP sedang menjalankan kajian mengenai perkara ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa KWSP telah pun mengizinkan pencarum-pencarum untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka bagi pembiayaan dalam peratusan tertentu untuk membeli rumah. Begitu juga pencarum telah diizinkan untuk mengeluarkan sebahagiannya bagi pembelian saham-saham amanah. Oleh kerana pendidikan adalah merupakan satu cabang pelaburan dan kita tahu belanja untuk memasuki institut pengajian tinggi swasta (IPTS) sekarang ini adalah banyak dan besar, mengapa tidak pertimbangan diberikan supaya pencarum KWSP diizinkan untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman itu bagi pembiayaan pendidikan. Kalau ibu bapa menghantar anak ke luar negeri, mungkin itu akan menyebabkan berlakunya masalah pertukaran wang, tetapi kalau IPTS dalam negeri, saya fikir pihak Kementerian Kewangan harus mempertimbangkan perkara ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau dari segi objektif penubuhan KWSP itu memang kita perhatikan ini adalah untuk kesejahteraan dan untuk persaraan seseorang pencarum itu. Kalau kita tengok juga untuk pengeluaran-pengeluaran yang telah dapat diluluskan daripada simpanan itu, yang pertama untuk perumahan, yang kedua untuk pelaburan dan juga untuk kesihatan. Kalau kita tinjau dari segi ini, mungkin yang kita boleh perhatikan iaitu semua ini adalah untuk kebaikan dan kebajikan untuk kesejahteraan pencarum itu. Kalau dari segi pendidikan dan dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan daripada KWSP itu, mungkin adalah berbeza sedikit daripada objektif itu. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya katakan, pihak KWSP sedang mengkaji sama ada ini boleh dijalankan ataupun tidak.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa skim telah dirangka untuk membantu pencarum-pencarum KWSP. Saya difahamkan seorang bekas timbalan menteri yang mempunyai ramai anak telah tidak mendapat imbuhan dari KWSP kerana penerima merupakan ibunya sendiri dan bukan isteri dan anak-anak beliau. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kedudukan perkara ini pada masa ini?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya tahu ialah arahan telah diberikan kepada isteri bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Walaupun begitu, kita juga mempunyai beberapa masalah untuk melaksanakannya. Setakat ini saya tidak tahu apakah perkembangannya dan saya akan beritahu secara bertulis.

RELA - JUMLAH AHLI DAN SENJATA API

3. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah ahli-ahli RELA di seluruh negara, pecahan mengikut negeri dan juga jantina; dan
- (b) jumlah senjata api yang telah dibekalkan kepada ahli-ahli RELA, mengikut negeri; dan adakah kerajaan bercadang untuk memberi elaun dan imbuhan kepada ahli-ahli RELA.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah ahli RELA di seluruh negara adalah 243,870 orang iaitu terdiri daripada 229,231 ahli RELA dan 14,639 RELAWATI. Bagi negeri Sarawak terdapat 21,783 ahli RELA dan 3,702 ahli RELAWATI.

Bagi pecahan negeri-negeri yang lain, saya bercadang untuk berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis selepas jawapan nanti.

- (b) Jumlah senjata api yang telah dibekalkan kepada ahli-ahli RELA di seluruh negara adalah sejumlah 18,041 laras. Bagi negeri Sarawak terdapat 1,340 laras.

Begitu juga untuk pecahan negeri-negeri lain, saya akan beri secara bertulis selepas ini.

Dalam perkara elaun dan imbuhan kepada ahli-ahli RELA adalah seperti berikut. RELA tetap mendukung konsep falsafah RELA iaitu bertugas secara sukarela. Namun, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk diberi elaun gantian hilang mata pencarian sebagai imbuhan kepada anggota-anggota RELA yang bertugas menyekat kemasukan pendatang tanpa izin di beberapa buah negeri di sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Mengikut jumlah yang telah diberi oleh Timbalan Menteri, 18,000 anggota RELA tetapi hanya 1,340 laras senjata telah diberi. Apakah kriteria pengeluaran senjata api kepada ahli-ahli RELA dan kenapakah hanya 1,300 ahli? Apakah yang menyebabkan yang 1,300 ahli ini patut diberi senjata dan yang lain tidak diberikan senjata. Tambahan kepada itu, RELA ini banyak di merata tempat, macam di Sarawak kita tahu tempatnya, tetapi kemudahan untuk RELA bermesyuarat dan sebagainya tidak ada. Jadi, adakah cadangan kerajaan untuk menyediakan satu tapak dan tempat yang tertentu untuk RELA menjalankan latihan dan aktiviti mereka.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pemberian ataupun pembekalan senjata api kepada anggota RELA adalah mengikut keperluan dari segi tugas mereka dan juga sejauh manakah mereka itu aktif. Bukan semua ahli RELA layak diberi senjata api, kecuali bagi mereka yang benar-benar telah berkhidmat lama dengan memenuhi syarat-syarat dan mereka sentiasa diperlukan untuk menjalankan tugas yang mempunyai sama ada risiko tinggi ataupun mereka sentiasa diperlukan untuk bertugas seperti membantu untuk membanteras musuh tanaman, di sempadan dan sebagainya.

Saya ingin tegaskan di sini, sebarang tugas yang berisiko tinggi dari segi keselamatan selalunya dijalankan oleh pihak polis dan RELA akan diberi bantuan hanya diperlukan. Maka dalam pada itu, kerajaan pada hari ini terpaksa mengawal dengan baik tentang penggunaan senjata api dan telah terdapat beberapa kelemahan dahulu, kalau senjata api itu dikeluarkan dengan begitu banyak, akan timbul macam-macam masalah apabila penyalahgunaan itu berlaku. Kerajaan memang dari masa ke semasa ingin mempertingkatkan kegiatan latihan, sama ada menggunakan pusat latihan tetap ataupun kita gunakan pusat latihan yang sementara. Ini memang satu hasrat untuk melatih seramai mungkin ahli-ahli RELA.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan RELA ini dapat membantu pasukan keselamatan kita dalam mencegah penyeludupan dan sebagainya. Oleh sebab itu soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk hendak menambah bilangan ahli RELA khususnya di kawasan-kawasan seperti Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, Tanah Merah dan Jeli di Kelantan bagi membantu mencegah penyeludupan, khususnya dadah di kawasan tersebut.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengalu-alukan penglibatan orang ramai dalam perkhidmatan sukarela seperti RELA. Walau bagaimanapun, mereka yang berminat itu perlulah memenuhi syarat-syarat seperti tapisan keselamatan, pastikan mereka itu mempunyai rekod yang baik, bersih dan sebagainya dan pintu kerajaan sentiasa terbuka.

AKTA MAHKAMAH JUVANA - CADANGAN MENGURANGKAN UMUR SEORANG JUVANA

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini seorang Hakim di Mahkamah tinggi Ipoh telah mengatakan telah sampai masanya untuk meminda mengurangkan umur seseorang juvana yang didakwa di bawah Akta Mahkamah Juvana dan akta-akta berkaitan dan apakah reaksi kerajaan dan sama ada akta-akta tersebut akan dipinda, sekiranya tidak, kenapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya prihatin dan peka tentang masalah sosial dan keburukan akhlak di kalangan juvana yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Malah kerajaan telah terlebih dahulu menyusun rapi semua langkah untuk mengkaji dan mengatasi masalah yang berkaitan dengan juvana sebelum Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh menyuarakan cadangan beliau pada 15 Ogos 1997 supaya Akta Mahkamah Juvana 1947 dikaji semula dan umur juvana yang diperuntukkan dalam akta itu dikurangkan daripada 18 tahun kepada 15 tahun.

Dalam usaha menangani masalah yang timbul, kerajaan telah antara lain, menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Khas Mengkaji Undang-undang Sosial untuk mengkaji semua undang-undang yang melibatkan juvana dan undang-undang yang berkaitan dengan aspek sosial. Jawatankuasa khas ini telah ditubuhkan pada 25 Julai 1997 dengan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan dianggotai oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Peguam Negara, Ketua Polis Negara dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya adakah dalam mengkaji balik Akta Mahkamah Juvana ini kerajaan ingin hendak mengimplementasikan cadangan yang telah dibuat oleh hakim tersebut di mana beliau telah mengatakan, dengan izin, national service patut dimestikan di negara ini oleh kerana akhlak dan sosial anak muda kita ini telah berkurangan dan ini patut diikuti seperti di negara jiran Malaysia. Dan juga hakim itu telah mengatakan bahawa Rakan Muda patut dikaji semula oleh kerana implementasinya sangat, dengan izin, weak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada 25 Julai 1997 dan kita sedang mengkaji semua undang-undang yang melibatkan juvana dan undang-undang yang berkaitan dengan aspek sosial dan segala perkara yang ada kena-mengena dengan perkara ini. Saya kira kita tidak boleh mengambil hanya pandangan seorang hakim sahaja dalam perkara ini. Sudah tentulah jawatankuasa ini akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak, pelbagai pihak. Oleh kerana perkara ini sedang dalam kajian, maka saya tidak dapat hendak memberikan apakah hasil keputusan yang telah diambil dalam soal ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengkaji semua peruntukan undang-undang, bukan sahaja Akta Juvana 1947 dan undang-undang yang lain berkaitan dengan pesalah-pesalah muda ini, adakah jawatankuasa ini turut mengkaji bahawa perlunya satu peruntukan bagi pesalah-pesalah muda khususnya juvana yang melakukan kesalahan, bahawa tanggungjawab ibu bapa mesti diletakkan. Dengan kata lain, kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur, jika diturunkan kepada 15 tahun, ialah mempertanggungjawabkan kepada ibu bapa untuk menanggung kesan dan akibat daripada perbuatan salah laku yang dilakukan oleh anak itu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat itu saya kira adalah satu cadangan yang baik di mana soal gejala sosial ini tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan sahaja kerana sebahagian besar daripada masa yang mereka habiskan ialah bersama dengan ibu bapa. Kita lihat pada ketika ini bahawa sememangnya ada kurang sedikit pertanggungjawaban di pihak ibu bapa yang semuanya mahu menyalahkan kepada perkara-perkara lain, selain daripada pemantauan mereka terhadap anak-anak mereka. Saya percaya bahawa jawatankuasa ini akan turut mengambil kira cadangan daripada Yang Berhormat dan saya akan menyampaikan perkara ini kepada pihak Jawatankuasa, khususnya Pengerusinya iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

DOKTOR PAKAR DARI LUAR NEGARA - JUMLAH

5. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah doktor-doktor pakar dari luar negara yang diambil berkhidmat dalam negara dan nyatakan:

- (a) jumlah doktor pakar dari setiap negara yang diambil berkhidmat dan bidang-bidang khidmat mereka sebagai doktor pakar di hospital dalam negara ini; dan
- (b) berapa lama mereka ini (doktor-doktor pakar) yang berkhidmat di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah doktor pakar dari luar negara yang diambil dari setiap negara berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan pada ketika ini adalah seramai 146 dan pembahagian mengikut negara adalah seperti berikut:

India	108
Myanmar	25
Bangladesh	3

Pakistan	4
Indonesia	1
Singapura	3
New Zealand	1
Britain	<u>1</u>
Jumlah	<u>146</u>

Bidang-bidang kepakarannya pula adalah seperti berikut:

Bius	14
Bedah	45
Pediatrik	4
O&G	16
Perubatan	22
ENT	9
Mata	10
Pathologi	5
Radiologi	1
Jiwa	1
Ortopedik	8
Bedah Plastik	2
Urologi	2
Radioterapi	3
Kulit	3
Kardiologi	<u>3</u>
Jumlah	<u>146</u>

- (b) Pegawai-pegawai perubatan pakar ini dilantik untuk berkhidmat secara kontrak selama tiga tahun dan kontrak mereka boleh disambung apabila keadaan memerlukan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita masih menghadapi masalah kekurangan doktor di negara kita, jadi soalan tambahan saya iaitu saya ingin meminta Timbalan

Menteri menyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah bilangan tenaga doktor di dalam negara kita.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, matlamat kementerian adalah untuk memperbaiki ratio purata doktor dengan pesakit dari masa ke semasa yang pada ketika ini purata kita adalah 1:1,800 yang akhirnya kita akan mendapat purata sebanyak 1:1,500 pesakit by the year 2000, dengan izin. Oleh kerana tindakan kontingensi yang telah diambil untuk memenuhi keperluan kepakaran seperti yang telah saya maklumkan, daripada jumlah yang kita telah mengisi kekosongan jawatan hanyalah 81 dan 81 jawatan itu pun surat tawaran telah pun dihantar dan ini akan menyebabkan tiada kekosongan dari segi kepakaran.

Tindakan kementerian seterusnya adalah untuk meneruskan usaha melatih specialist tempatan dengan cara satu program sistem terbuka di mana dalam program ini telah pun dimulakan pada tahun ini sebanyak 400 trainee doctors dilatih di teaching hospital tempatan dan dalam jangka masa empat tahun, iaitu tahun 2000 kita akan bertambah dengan 480 local specialist.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang butir-butiran yang lebih lanjut berkenaan dengan doktor pakar asing. Apakah peratusan doktor pakar asing jika berbanding dengan pakar-pakar perubatan tempatan. Sama ada kerajaan menghadapi apa jua bantahan daripada doktor-doktor pakar tempatan tentang pengambilan pakar-pakar asing ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kepakaran secara menyeluruh yang diperlukan kedudukan pakar dan pegawai perubatan kontrak mengikut negeri yang kita perlukan sebanyak adalah kurang daripada 30% dan kita tidak menghadapi sebarang masalah dari segi pakar lokal kerana kita tidak langsung mengambil tempat pakar daripada setempat. Namun demikian, kita sentiasa mengambil langkah untuk mengambil pakar dari luar secara tindakan kontingensi dengan memberi peluang untuk memenuhi keperluan daripada local specialist kita, dengan izin. Apabila keadaan telah berlaku di mana kita tidak lagi perlu untuk mendapat pakar dari luar, kita tidak akan meneruskan perkhidmatan pakar daripada luar. Sebab itu, kita membuatkan keperluan untuk mendapatkan tenaga pakar dari luar ini secara running exercise, iaitu kita meneruskan apabila diperlukan.

TEKNOLOGI MULTIMEDIA - MEMPOPULARKAN PENGGUNAAN

6. **Dr. Tan Yee Kew [Kelang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mempopularkan penggunaan teknologi multimedia di negara ini; dan
- (b) tindakan yang telah diambil untuk memastikan rakyat Malaysia dapat menggunakan teknologi ini dengan harga yang mereka mampu tanggung.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi wawasan kerajaan supaya teknologi multimedia digunakan dengan luasnya di negara ini pada kadar harga yang berpatutan. Ke arah ini, langkah-langkah sewajarnya dilaksanakan peringkat demi peringkat.

Setakat ini langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mempopularkan penggunaan teknologi multimedia di negara ini dan dengan harga yang berpatutan, di antara lain adalah:

- (i) penyebaran maklumat dan penerangan secara berkala mengenai MSC dan teknologi multimedia supaya rakyat memahami faedah-faedah yang boleh diperolehi;
- (ii) kempen kesedaran teknologi maklumat yang telah dilancarkan baru-baru ini;
- (iii) meluaskan penggunaan rangkaian telekomunikasi yang berasaskan gentian optik;
- (iv) mempertingkatkan penggunaan gentian optik kepada suatu sistem yang menggunakan suis ATM yang mempunyai bandwidth yang lebar;
- (v) menggalakkan penggunaan Internet. Ini dilaksanakan oleh pembekal-pembekal perkhidmatan Internet dengan menawarkan pakej-pakej insentif tertentu;
- (vi) menggalakkan peningkatan kemahiran IT melalui latihan dengan menawarkan insentif-insentif tertentu berbentuk pemberian taraf MSC kepada institusi-institusi latihan;
- (vii) menggalakkan penggunaan komputer peribadi dengan menawarkan rebet sebanyak RM400 terhadap cukai pendapatan persendirian; dan
- (viii) menggalakkan penggunaan komputer yang meluas dalam urusan-urusan di pejabat-pejabat kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam usaha mempopulisasikan penggunaan teknologi maklumat, betapa penting usaha menumpukan kepada peranan contoh yang boleh dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik atau

institusi-institusi kerajaan semacam Parlimen di mana sebagai contoh kita di Bilik Kopi Ahli Parlimen di sini ada satu computer terminal, baru tadi saya pergi cuba untuk hook Internet, tidak boleh digunakan, terminal komputer tidak boleh digunakan, tidak tahu berapa hari tidak boleh digunakan yang menunjukkan bahawa komputer itu tidak digunakan oleh Ahli Parlimen di Bilik Kopi yang jarang dilawati oleh Ahli Parlimen Pembangkang, semua Ahli Parlimen Barisan Nasional. Bukankah ini satu contoh yang menunjukkan perlulah menumpukan usaha di mana pucuk pimpinan, institusi kerajaan memainkan satu peranan sebagai contoh. Adakah satu tarikh ditetapkan di mana semua menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen boleh dihubungi melalui E-Mail. Adakah semua mereka boleh dihubungi? Kalau tidak, adakah satu tarikh dibuat? Dalam satu bulan semua boleh dihubungi melalui E-Mail oleh orang ramai, sebagai contoh untuk mempopulisasikan teknologi maklumat?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, bukan sahaja pihak pembangkang yang berusaha untuk meningkatkan kesedaran IT di antara rakyat Malaysia. Pihak kerajaan memang telah memainkan peranan yang amat penting dan lebih agresif untuk meningkatkan kesedaran di antara rakyat tentang IT. Misalan kata, kebanyakan kerajaan negeri telah pun mengaturkan kursus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, baik di peringkat negeri mahupun di peringkat Parlimen, seperti negeri Selangor, negeri Pulau Pinang, negeri Perak telah pun mengadakan kursus yang diikuti oleh semua peringkat pegawai dan juga Ahli Yang Berhormat dan telah juga memberikan kemudahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperolehi misalan kata laptop dan sebagainya. Dan kebanyakan Ahli Yang Berhormat memang ada E-Mail, mungkin Yang Berhormat tidak tahu, saya sendiri ada. Kalau hendak E-Mail kepada saya, saya boleh berikan kepada Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai teknologi multimedia termasuk Internet, saya sebagai pelanggan Internet juga, jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat hari ini bilangan pelanggan Internet bagi syarikat Jaring dan Telekom Malaysia. Dan adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan pembayaran ataupun caj Internet untuk meningkatkan bilangan pelanggan di negara kita ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka yang tepat mengenai pengguna Internet untuk Jaring dan TMnet, tetapi lebih kurang bagi Jaring setakat hari ini telah melebihi 90,000 subscriber telah pun berdaftar dengan pihak Jaring dan untuk TMnet lebih daripada 80,000 telah pun subscribe dengan TMnet.

Caj Internet ini memang merupakan satu isu yang selalu dibangkitkan antara rakyat Malaysia khususnya mereka yang menggunakan Internet. Tetapi saya berpendapat bahawa mungkin rakyat di Malaysia tidak sedar bahawa caj yang dikenakan kepada mereka adalah merupakan yang terendah di kawasan Asia Pasifik ini. Misalan kata, menurut satu kajian yang dilakukan oleh satu konsultan telekomunikasi, Cutler & Company di Australia, antara 27 Internet Service Provider (ISP) di sembilan negara Asia Pasifik, kajian ini menunjukkan bahawa caj dikenakan di Malaysia, kalau sekiranya menggunakan kod yang tertentu - 1511 dan 1515 untuk TMnet, cajnya memang rendah sekali.

Saya boleh beri satu comparison di Malaysia, kita caj 1.5 sen sahaja bagi satu minit, di Indonesia 4 sen, Jepun 7.8 sen, Singapura 2.5 sen, Thailand 26.4 sen dan di USA 2.8 sen di mana Malaysia 1.5 sen sahaja. Ini merupakan caj yang terendah, maka pihak kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk menurunkan caj Internet ini. Dan di sebaliknya kita memang hendak menggalakkan supaya lebih ramai orang Malaysia menggunakan Internet dan kedua-dua ISP iaitu Jaring dan TMnet telah pun diberi arahan supaya mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka dan kedua-duanya telah pun merangka dan merancang langkah-langkah masa pendek dan jangka panjang untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka. Dengan ini, pihak kerajaan berpendapat bahawa bilangan pengguna Internet akan meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara] tidak hadir]

SUKAN KOMANWEL 1998 - JUMLAH PERBELANJAAN DAN PENCAPAIAN

8. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan telah dibuat untuk Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI dan bagaimana pula pencapaiannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Sukom Ninety Eight Berhad selaku badan pengelola rasmi Kuala Lumpur 98 telah menganggarkan sebanyak RM304.5 juta untuk mengendalikan sukan ini. Sehingga 31 Ogos tahun ini, pihak syarikat telah berbelanja sebanyak RM53.53 juta untuk perbelanjaan tidak langsung seperti gaji, sewa bangunan pejabat, penerbitan, stationery, utiliti, perayaan, insurans, kenderaan dan perbelanjaan secara langsung seperti publisiti, pengambilan sukarelawan, latihan, pakaian dan sebagainya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dari segi berbelanja nampaknya Sukom Sdn. Bhd. telah pun membelanjakan RM53 juta. Saya hendak minta penjelasan, setakat manakah menyeluruhnya publisiti tentang sukan ini di seluruh tanah air. Saya tekankan di sini - seluruh tanah air - kerana ada tempat-tempat yang masih belum tahu lagi mengenai sukan ini, tambahan lagi kita mempunyai masa kurang daripada 350 hari lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Sukom Ninety Eight Bhd. peka berkenaan dengan masalah publisiti ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat baca daripada surat-surat khabar bahawa masalah inilah yang rakyat kita memberi perhatian yang utama. Jadi, sekarang ini langkah-langkah yang agresif telah diambil supaya publisiti dinaikkan lagi dan kita telah nampak bahawa signboard, dengan izin, telah dinaikkan dan juga kita nampak program Mega TV dan televisyen-televisyen lain berkenaan dengan Sukan Komanwel telah pun disiarkan. Jadi, ini adalah sebahagian daripada langkah yang telah diambil dan kita nampak keberkesanannya dan kita akan terus menaikkan tahap publisiti berkenaan Sukom 98.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita melihat kepada tempoh yang begitu hampir untuk Sukom 98 ini dilaksanakan di negara kita ini, saya ingin tahu apakah response dan satu bentuk kerjasama yang diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk mempromosikan pelaksanaan Sukom 98 ini. Dalam pengetahuan kementerian, berapakah negeri-negeri yang telah melaksanakan promosi Sukom ini, selain daripada Negeri Sembilan yang mana telah dan sedang melancarkan program ini. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, ianya akan dilaksanakan di Jelebu di peringkat negeri. Adakah syarikat-syarikat penaja yang telah menyatakan komitmen mereka untuk bekerjasama dengan kerajaan di peringkat negeri kerana pada kita Sukom ini perlu dipromosikan juga oleh pihak-pihak kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat yang berada di sesuatu negeri tersebut.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa temasya Sukan Komanwel ini adalah satu temasya yang begitu besar, oleh kerana itulah kerjasama diperlukan daripada kerajaan-kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat, khasnya syarikat-syarikat penaja, badan-badan NGO dan sebagainya untuk kita bersama-sama menjayakan temasya Sukan Komanwel ini. Setakat ini melalui Kabinet dan juga mesyuarat-mesyuarat lain, kerajaan-kerajaan negeri telah diminta supaya mereka bekerjasama untuk mengambil bahagian dalam kerja publisiti supaya rakyat di peringkat akar umbi dapat dimaklumkan berkenaan dengan Sukan

Komanwel yang akan datang ini dan juga badan-badan lain, badan-badan pemuda-pemudi pun telah dihubungi supaya mereka bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat penaja yang akan mengambil bahagian bekerjasama dengan kerajaan, saya suka hati di sini memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa setakat 31 Julai tahun ini, jumlah syarikat-syarikat penaja yang berjanji untuk menaja temasya Sukan Komanwel ini adalah sebanyak RM177.3 juta. Jadi, sebahagian besar dalam bentuk wang tunai dan sebahagian kecil dalam bentuk barangan. Dengan tahap kerjasama ini, Kementerian Belia dan Sukan berkeyakinan bahawa temasya sukan ini akan dapat dikendalikan dengan efektif dan diadakan dengan berjaya.

Jadi, kita harap dengan mengadakan temasya sukan ini kita akan dapat menunjukkan kepada dunia bahawa dalam negara kita ini semua rakyat mengambil bahagian dan bekerjasama. Kita harap pada satu hari nanti, pada abad 21, mana kita tahu, kita mungkin dapat mengadakan temasya sukan yang lebih besar. Ini untuk menunjukkan bahawa negara kita boleh, 'Malaysia Boleh'.

PENGAJIAN JARAK JAUH DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI - JUMLAH PELAJAR DAN KOS

9. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Menteri Pendidikan memberikan satu laporan mengenai status pengajian jarak jauh (distance learning) di institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini, jumlah pelajar yang diterima masuk ke kursus-kursus pengajian berkenaan, sama ada kos yang dikenakan bertaraf persaingan, dan bilakah Malaysia dapat menjadi pemimpin dalam bidang pengajian jarak jauh ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak enam buah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tempatan telah menjalankan pengajian jarak jauh (distance learning). Institusi-institusi tersebut ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Institut Teknologi MARA.

Antara program pengajian yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Sains, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Jumlah pengambilan pelajar bagi program pendidikan jarak jauh di IPTA bagi tahun 1997/98 ialah seramai 18,753 orang. Yuran pengajian yang dikenakan oleh IPTA untuk program pendidikan jarak jauh adalah munasabah dan mengambil kira kemampuan pelajar. Walaupun pada masa ini pendidikan jarak jauh masih di peringkat awal pelaksanaannya, setiap IPTA diminta untuk merancang sebaik-baiknya program pendidikan jarak jauh masing-masing supaya dapat menyediakan program yang tinggi mutunya.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memperluaskan program ini sejajar dengan matlamat untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada rakyat mendapat pendidikan di peringkat tinggi, terutama kepada golongan yang sudah bekerja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menjayakan pendidikan jarak jauh dan juga untuk mempopularkan penggunaan teknologi maklumat di universiti-universiti atau di institusi-institusi pendidikan tinggi, bukannya benar bahawa sekarang kita belum sampai satu tahap di mana kita boleh membekalkan semua pelajar dengan kemudahan-kemudahan E-Mail dan barulah mereka dalam fakulti-fakulti yang khas, yang boleh dapat kemudahan itu. Adakah rancangan dan strategi di mana universiti-universiti tempatan boleh dapat satu ratio antara pelajar-pelajar dengan komputer yang sesuai dengan apa yang ada dalam universiti-universiti yang lain di mana mereka ada tahap teknologi maklumat yang sophisticated. Apakah perbezaan ratio komputer pelajar-pelajar di Malaysia dengan negara-negara yang lain dan apakah strategi supaya dapat satu ratio yang lebih munasabah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah hasrat Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan dan memperluaskan program kemudahan E-Mail untuk semua pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan, namun demikian, rancangan itu perlulah dilaksanakan mengikut peruntukan yang ada pada Kementerian Pendidikan. Pada masa ini di fakulti-fakulti tertentu di mana kemudahan itu adalah diperlukan untuk pengajian, memang kita sediakan. Kita harap dengan ada peruntukan yang lebih banyak, kita boleh sampai ke tahap itu di mana setiap pelajar universiti tempatan memang diberi kemudahan E-Mail.

Di peringkat sekarang, Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada institusi-institusi pendidikan, termasuk sekolah dan universiti dalam kawasan Multimedia Super Corridor kerana kita mahu institusi-institusi di kawasan tersebut dipertingkat dan dimajukan sebagai contoh kepada institusi-institusi yang lain.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu pelajar-pelajar mengambil kursus pengajian jarak jauh layak memohon dana pendidikan yang baru diluluskan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekumpulan dari calon-calon yang berjaya memasuki program pendidikan jarak jauh itu merupakan pegawai-pegawai kerajaan di mana mereka diberi cuti dengan separuh gaji, cuti dengan gaji penuh dan sebagainya. Dan ada juga mereka yang datang dari badan-badan swasta di mana mereka juga diberi bantuan. Namun demikian, oleh

kerana yuran-yuran yang dikenakan adalah di peringkat yang agak tidak begitu tinggi, kita yakin bahawa kebanyakan calon yang berjaya memasuki program itu tidak akan diabaikan oleh kerana tiada kemampuan dari segi kewangan. Kalau calon-calon itu menghadapi masalah, memang Kementerian Pendidikan dan badan-badan lain bersedia untuk memberi pertolongan.

GURU - MEWUJUDKAN SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK

10. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah] minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kementerian memberi perlindungan keselamatan kepada guru semasa menjalankan tugas dan adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok kepada guru-guru.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, perlindungan keselamatan kepada guru semasa menjalankan tugas sentiasa diberi perhatian. Antaranya ialah:

- (i) bantuan tatacara disiplin untuk guru besar dan guru yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menjelaskan tentang perlindungan keselamatan kepada guru semasa menjalankan tugas asalkan pihak guru mematuhi peraturan yang disediakan semasa menjalankan tugas;
- (ii) orang awam sama ada ibu bapa, penjaga atau waris ketika hendak berurusan dengan sekolah, perlu melapor diri ke pejabat pengetua/guru besar terlebih dahulu; dan
- (iii) kes-kes tindakan guru yang pada hemat penasihat undang-undang perlu mendapat pembelaan akan dirujuk kepada pejabat Peguam Negara untuk mendapat bantuan guaman.

Memandangkan perlindungan keselamatan kepada guru disediakan oleh pihak kerajaan, maka Kementerian Pendidikan tidak mewujudkan skim perlindungan insurans berkelompok untuk mereka.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini guru diberkas oleh polis dan digari oleh polis depan anak-anak murid, selepas ada report guru itu merotan anak murid yang berkenaan. Selepas itu, pihak kesatuan guru membantah kepada kementerian dan guru-guru disiplin hilang semangat untuk mendisiplinkan pelajar-pelajar. Apakah langkah Kementerian Pendidikan untuk memulihkan semangat guru-guru disiplin di seluruh Malaysia untuk mendisiplinkan murid-murid setelah mereka lihat bahawa mereka boleh digari di depan pelajar kalau mereka melakukan sesuatu tindakan kepada pelajar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dirujukkan itu, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidak benar dan kes itu Kementerian Pendidikan sudah siasat dan dengan kerjasama pihak polis, kita sudah selesaikan. Jadi, pada hemat Kementerian Pendidikan kita dapat satu penyelesaian yang juga menjaga keadilan kepada pihak guru dan kepada pihak sekolah. Dari segi keseluruhannya, memang Kementerian Pendidikan amat peka dan prihatin tentang kepentingan untuk menjaga semangat dan status guru-guru, khususnya di depan pelajar-pelajar dan di depan ibu bapa. Kementerian Pendidikan akan terus berdepan bukan sahaja dengan guru-guru, tetapi semua keluarga Kementerian Pendidikan supaya kita bukan sahaja boleh memberi sebagai perlindungan dari segi moral support, dengan izin, tetapi juga kita akan memotivasikan supaya kita boleh bersama-sama terus berfungsi, bukan sahaja mempertingkatkan pendidikan anak-anak kita tetapi juga tentukan bahawa tahap disiplin anak-anak kita dapat dijaga dan dipertingkatkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan jawapan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bukanlah merupakan satu masalah di mana guru boleh digari di perkarangan sekolah, di depan murid-murid mereka sungguhpun pelbagai pihak telah menyatakan perasaan tidak puas hati bahawa Kementerian Pendidikan tidak mengambil tindakan yang lebih tegas dengan pihak polis. Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, kalau perkara ini berulang lagi, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan moral dan semangat di pihak guru tidak terjejas, kerana jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan gambaran bahawa perkara ini bukan serius sangat, bukan berat sangat, sebaliknya ia adalah perkara yang serius, yang menjejaskan semangat semua guru di Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan, tidak boleh buat ulasan. Boleh soal, tetapi tidak boleh mengulas.

Tuan Lim Guan Eng: Ini ialah berbangkit dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana saya terkejut kerana apa yang dia jawab berlawanan dengan kenyataan dalam surat khabar Cina bahawa dia berasa tidak puas hati, tetapi sekarang dia pula cakap dia puas hati, ini macam ada double standard, cakap tak serupa bikin, di luar cakap sesuatu, di dalam cakap lain.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah siasat perkara itu dan kita juga sudah bincang dengan pihak-pihak berkenaan termasuk pihak ibu bapa, pihak

sekolah dan pihak polis. Pihak polis melalui kenyataan IGP sudah memberi jaminan bahawa kes-kes seperti ini tidak akan diulangi. Beliau juga memberi nasihat kepada pihak polis.

Saya ingin memberi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka - kawan saya kerana kita dari Melaka - bukan kawan [*Ketawa*], cuma sama negeri. Dalam usaha kita menjaga maruah guru-guru, kita ingin menjaga maruah pihak polis juga kerana kedua-dua pihak kita ingin mereka dapat keyakinan dari pihak awam. Jadi, melalui penyelesaian ini kita dapat jaga kepentingan semua pihak, iaitu pihak guru, pihak polis supaya kita akan terus boleh menentukan bahawa sistem pendidikan kita dan sistem menjaga keselamatan kita dapat terus dimajukan demi untuk kepentingan pihak orang awam. [*Tepuk*]

PENGANGKUTAN BARANG DARI SEMENANJUNG KE SABAH - MENGURANGKAN HARGA TAMBANG

11. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa belanja untuk mengangkut barang-barang dari Semenanjung ke Sabah telah mengakibatkan peningkatan harga barang-barang di negeri Sabah dan memandangkan pernah Menteri sendiri berjanji untuk berusaha mengambil tindakan bertujuan mengurangkan perbelanjaan pengangkutan yang dimaksudkan di atas, apakah langkah-langkah yang sebenar yang telah diambil kerana sehingga sekarang belum kelihatan perbelanjaan pengangkutan itu berkurangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pengangkutan barang-barang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak disediakan oleh syarikat-syarikat perkapalan swasta termasuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC). Kerajaan tidak mengawal kadar tambang perkapalan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Kos pengangkutan ini ditentukan oleh kuasa pasaran (market forces) berasaskan permintaan dan penawaran. Kos pengangkutan barang-barang melalui laut telah pun menurun semenjak 10 tahun yang lalu. Dalam tahun 1987 tambang kapal yang diisytiharkan (published rate) bagi barang-barang dalam kontena di antara Pelabuhan Kelang dengan Kota Kinabalu ialah di antara RM3,005 hingga RM3,028 per satu kotak kontena.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini (September 1997) kadar tambang yang diisytiharkan bagi laluan tersebut ialah cuma RM1,900. Ini merupakan penurunan sebanyak 37.2%. Tambang perkapalan dari Pelabuhan Kelang ke Sandakan dan Tawau pula dalam tahun 1987 ialah masing-masing RM3,027 dan RM3,335 tetapi kini tambang tersebut telah pun menurun, masing-masing kepada RM2,100 - satu penurunan dalam lingkungan 30% dan juga RM2,250.

Kementerian juga percaya iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedar bahawa tambang kapal untuk mengangkut barang-barang hanya merupakan salah satu komponen kos pada keseluruhannya dan

terdapat juga faktor-faktor yang lain yang tidak bersangkutan dengan pengangkutan akan menentukan harga barangan pada akhirnya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi walaupun kadar-kadar bagi perkhidmatan pengangkutan telah menurun tetapi ini dianggap masih tinggi dan akibatnya kepada kos keseluruhan barang-barang di negeri Sabah adalah cukup tinggi. Misalnya pengangkutan barangan daripada negeri Sabah ke Hong Kong dikatakan lebih mahal dari Port Klang ke Los Angeles memandangkan return containers itu kosong, maka kos itu meningkat begitu tinggi. Apakah tindakan dan usaha kerajaan untuk menggalak ataupun mengambil tindakan secara direct khusus untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju dari aspek harga barangan kadang-kadang bila kita membuat perbandingan terdapat juga kos dia masih tinggi.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu Menteri Pengangkutan sentiasa mempunyai perbincangan dengan Malaysian Ship Owners Association (MASA) dan juga termasuk syarikat-syarikat insurans supaya satu kadar dapat ditentukan, dapat ditetapkan bagi insurans dan selepas itu MASA dapat bertindak supaya satu kadar kos dapat ditentukan bagi semua pelayaran untuk mengangkut barang-barangan daripada Port Klang ke Sabah dan Sarawak. Buat masa ini nampak macam tidak berhasil lagi, tetapi walau bagaimanapun saya percaya dengan sentiasa adanya perbincangan, satu kadar yang munasabah dapat ditetapkan untuk kebaikan semua.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benar kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi iaitu

antara faktor yang menyebabkan harga barang tinggi ialah kerana pengangkutan ataupun yang tidak ditetapkan oleh kementerian.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah benar bahawa antara faktor yang menyebabkan harga barangan tinggi di Sabah ialah pengimport-pengimport tidak diberi lesen untuk mengimport barang-barang yang diperlukan terus daripada negara-negara pengeluar misalnya dari negara China dan Thailand, kecuali melalui Pelabuhan Kelang. Justeru itu mengakibatkan double handling dan sekali gus menaikkan harga barang-barang yang diangkut. Jadi, kalau ini benar adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk membenarkan para pengimport membuat pengimportan secara terus agar tidak ada double handling.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat saya tidak dapat pasti sama ada alasan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat merupakan salah satu faktor, tetapi ingin saya memberitahu iaitu seperti saya katakan tadi kos pengangkutan hanya merupakan salah satu komponen kos dan faktor-faktor yang lain, mungkin jika kita banding dari kos barangan yang terdapat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, kemungkinan harga barangan yang didapati di sini lebih murah sedikit. Tetapi macam mana mahal pun tidak dikatakan begitu mahal sehingga orang di Sabah dan Sarawak tidak mampu membeli, so mungkin ada faktor-faktor yang lain. Jadi, alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat saya akan tengok dan siasat kerana saya tidak pasti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat
Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 12 - Y.B Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]

KEMPEN 'CAR POOL' DI KUALA LUMPUR - PERKEMBANGAN TERAKHIR

13. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terakhir mengenai kempen 'car-pool' di ibu kota Kuala Lumpur. Adakah ia semakin mendapat sambutan daripada warga kota atau sebaliknya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Kempen Berkongsi Kereta melalui pelbagai media yang bertujuan menggalakkan perkongsian kereta bagi mereka yang berulang-alik ke Kuala Lumpur dengan menggunakan kereta sendiri telah pun dilaksanakan pada bulan Julai, 1993 hingga bulan April 1995. Sungguhpun kempen ini berjaya menepati tujuannya iaitu meningkatkan lagi kesedaran akan manfaat berkongsi kereta khususnya dari segi meredakan kesesakan jalan raya dan mengurangkan pencemaran udara, namunambutannya tidak begitu menggalakkan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mana diantaranya ialah:

- (i) perbezaan masa bekerja, tempat tinggal, tempat bekerja dan masa balik;
- (ii) sikap pengguna yang mengutamakan keselesaan dan privacy, dengan izin; dan
- (iii) kesulitan untuk mengurus perkara-perkara peribadi selepas waktu bekerja yang memerlukan perjalanan ke

tempat lain dan akhir sekali masalah-masalah sosial seperti isu kepercayaan oleh kerana kadang-kadang kita dapat juga kawan-kawan yang tidak begitu kenal, tidak begitu rela untuk berkongsi kereta dan satu faktor di bawah masalah sosial ialah berkongsi kereta di antara lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita memang sukar sedikit untuk diatur.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 12 dan 14 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” *[Hari Isnin 23 Oktober 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kangar diminta sambung.

3.35 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan izin Yang Berhormat untuk mengizinkan saya terus menyambung perbincangan minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya minggu lalu saya merasa bimbang kalau kita tidak cukup bekalan makanan, terutama sekali kalau kita terus bergantung kepada makanan bahan import. Di samping itu juga saya merasa bimbang kerana pada hari Sabtu minggu lepas kita juga menghadapi pilihanraya kecil di Kidurong dan saya tidak pasti siapa yang menang. Saya takut kalau ada pihak.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Md. Isa bin Sabu:tetapi nampaknya ada sebut BN - menang, tahniah kepada BN - nampaknya rakyat kita terus percaya kepada Barisan Nasional *[Tepuk]* sekali pun dalam keadaan kadang-kadang kita menghadapi krisis kewangan negara. Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana rakyat terus menyokong Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bekalan makanan saya dapat faham bahawa makanan yang kita makan cuma 20% sahaja yang diubah menjadi tenaga, 80% lagi dikeluarkan dalam bentuk bahan kumbah atau bahan kotor. Bererti dalam tiap-tiap satu kilogram makanan yang kita makan 800 gram terpaksa kita buang dan diuruskan oleh IWK. Sehubungan dengan itulah maka saya berharap supaya kita terus mengeluarkan makanan dalam negara kerana kita dapati bahawa banyak kajian-kajian R&D yang telah kita jalankan dalam sektor pertanian. Namun begitu kita ada banyak research, tetapi

developmentnya kurang. Ada development yang tidak sampai ke bawah misalnya dari segi tenaga kerja petani kita dapati petani-petani kita cukup rajin, tetapi barangan keluaran hasil pertanian yang mudah rosak, kita dapati tidak mendapat harga yang tinggi kerana tidak ada daya usaha teknologi yang sampai ke bawah untuk mempertingkatkan nilai tambahan hasil-hasil pertanian. Misalnya saya cuba tunjuk contoh hari ini, kalau di kampung kita dapati buah-buahan dilambak di pasar-pasar malam dengan harga yang murah. Misalnya nangka, saya tunjuk ini ada nangka yang saya bawa [*sambil menunjukkan sebungkus buah nangka*]. Nangka kita dapati hari ini ada teknologi yang telah mempertingkatkan nilainya dipasarkan dalam bentuk kering, tetapi kalau di tempat saya dijual di pasar malam dengan harga yang murah.

Saya harap Kementerian Pertanian dapat mempertingkatkan pembangunan tambah nilai hasil-hasil pertanian, bukan sahaja nangka - ini nenas, barangkali rakan-rakan saya dari Johor ada yang tidak pernah tengok - nenas dalam bentuk kering [*sambil menunjukkan sebungkus nenas kering*]. Di samping itu juga belimbing. Ini belimbing besi (star fruit) ataupun setengah orang kata 'karan bola' [*sambil menunjukkan belimbing besi di dalam tupperware*]. Saya dapati bahawa kalaulah kita terus mempertingkatkan usaha-usaha ini - boleh kita perkasakan petani-petani kita seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau pada minggu lepas. Bila sebut pertanian, tidak semestinya terikat dengan kemiskinan, jadi untuk makluman

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya boleh minta Bentara tolong ambil....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bawa semua sample ini berapa Yang Berhormat?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ya, sample hendak tunjuk, kata kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak tunjuk ya!

Tuan Md. Isa bin Sabu: Hendak tunjuk dan kalau boleh, kalau Yang Berhormat hendak saya boleh beri untuk tengok. Kalau kita kembangkan teknik ini sampai ke bawah petani-petani kita akan mendapat rezeki yang lebih. Itu tujuan saya.

Dari segi bekalan beras negara Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah supaya pihak Bernas dapat memperluaskan ladang atau sawah padi secara besar-besaran, tidak kita bergantung kepada kawasan pembangunan perairan seperti MADA dan sebagainya kerana kita dapati masalah-masalah yang kita dapati dalam kawasan MADA dan lain-lain kawasan ialah masalah saiz ladang yang semakin kecil.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pulang ke kawasan dan petani-petani dalam kawasan saya bertanya tentang subsidi padi. Saya kata “ada tambah”, dia beritahu “bukan kita minta tambahan, tetapi untuk naikkan sedikit subsidi padi, kerana kalau pegawai kerajaan mendapat sebulan gaji sebagai bonus, kami sepatutnya dipertimbang beri sedikit kenaikan subsidi padi”. Saya ceritakan “bukan subsidi padi sahaja ditambah, subsidi baja pun ditambah”. Tetapi dia kata “itu kena tambah dan kenaikan subsidi patut

dipertimbangkan”. Jadi, berasaskan kepada teknologi yang saya sebut tadi untuk mengembangkan usahawan dalam bidang pertanian ini kita harap supaya pihak kementerian dapat berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalakkan petani-petani kita melibatkan diri dalam mengambil peluang daripada 3F yang kita ada, iaitu ‘fund for food’ yang boleh kita gunakan supaya kita kembangkan teknologi yang ada. Kalau kita tidak gunakan teknologi ini, Tuan Yang di-Pertua, bererti apa yang telah dibuat, apa yang lain-lain agensi kerajaan buat ialah untuk kajian (research) untuk kemudahan pegawai bagi melanjutkan pengajian akademik semata-mata. Yang penting sekali bagaimana kita hendak guna hasil penyelidikan ini untuk keperluan dan permintaan semasa. Inilah perkara pokok yang patut kita kembangkan di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas kita dengar juga Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut tentang rumah kos rendah, yang dalam Rancangan Malaysia Keenam kerajaan mampu menyediakan sebanyak 25% sahaja daripada targetnya. Ini saya yakin bukan sahaja dari kementerian yang berkenaan, tetapi kita dapati teguran daripada Ketua Audit Negara.

Kita dapati pandangan Ketua Audit Negara dan kegagalan ini adalah disebabkan oleh kos binaan yang lebih daripada harga jualan. Ini adalah satu perkara yang patut kita timbangkan dan memanglah hasrat kerajaan dan hasrat kepimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Kalau kita kaji dari segi penyediaan awalnya memang untuk membela rakyat bawahan. Jadi, sehubungan dengan itu kalau kita dapati dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh daripada 800,000 unit rumah, kerajaan berhasrat untuk menyediakan kira-kira 235,000 rumah kos rendah ataupun 29.4% daripada 800,000 itu ialah rumah kos rendah. Oleh itu bagi membolehkan supaya rakyat bawahan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sebagai tempat perlindungan sukacitalah saya mengesyorkan dalam Dewan ini supaya kerajaan dapat mempertimbangkan agar cukai jualan (sales tax) bagi bahan-bahan binaan untuk tujuan rumah kos rendah dikecualikan. Pandangan ini berasaskan jika kerajaan mampu memperturunkan levi untuk rumah kos mewah, kenapa pula kerajaan tidak sudi pertimbang supaya cukai jualan ataupun dengan izin sales tax bagi bahan-bahan binaan rumah kos rendah ini dikecualikan, dengan tujuan untuk membolehkan atau mengizinkan supaya semua rakyat kita memiliki rumah terutama sekali bagi golongan yang berpendapatan rendah. Inilah hasrat rakyat bawahan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan sahaja dalam kawasan Kangar tetapi dalam kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri dan juga dalam kawasan rakan-rakan yang lain termasuk Larut pun dia tunjuk dia memang setuju dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar pandangan bekas tokoh seorang pemimpin negara iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Samad Idris tentang MARA. MARA merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan golongan bumiputera yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin kita termasuk Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar sendiri, Yang Berbahagia Tan Sri Mustaffa Jabar dan rakan-rakannya, yang tidak dapat saya sebut satu persatu termasuk Allahyarham Tun Abdul Razak

sendiri bahawa tujuan MARA ialah untuk mempertingkatkan pendidikan dan peluang mencari rezeki bagi golongan bumiputera.

Pada peringkat awal pejuang-pejuang ini menubuhkan MARA macam-macam perli yang mereka dapat. Ada yang menganggap MARA sebagai - 'Menteri Ajak Rakyat Angan-angan'. MARA ada disebut sebagai - 'Melayu Akan Rugi Akhirnya', tetapi apa yang disebutkan itu adalah negatif belaka dan MARA memberi sumbangan yang banyak kepada golongan bumiputera dengan memberi pinjaman pendidikan, memberi pinjaman perniagaan. Kita haraplah supaya pihak yang berkenaan termasuk peminjam-peminjam ini sudi, saya minta sudi membayar balik hutang kepada MARA.

Pandangan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Samad Idris ini cukup ikhlas dan MARA sendiri mesti juga mengambil tanggungjawab untuk mengutip hutang-hutang ini. Pegawai-pegawai MARA sendiri patut ikhlas bekerja untuk memungut hutang-hutang yang melibatkan sekali pun rakan-rakan mereka, kerana ada pihak-pihak yang mengatakan kalau hutang pelajaran tidak payah bayar, kalau ada kawan di dalam minta kawan buang fail. Ini adalah satu amalan yang tidak baik, ini satu amalan yang mendidikan bangsa kita menjadi satu bangsa yang tidak bertanggungjawab. Jadi, kalau kita hendak maju ke hadapan mestilah kita sama-sama bertanggungjawab ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, MARA banyak membantu kita tambah-tambah lagi termasuklah golongan yang tidak berpeluang mempertingkatkan pelajaran selepas tingkatan tiga dan selepas tingkatan lima. Hari ini kita dapati rata-rata

ada Pusat Giat MARA. Kadang-kadang Pusat Giat MARA menyediakan tempat untuk 70 peserta, tetapi pusat yang berkenaan terpaksa menampung sampai 80 ataupun 100 peserta kerana permintaannya terlalu tinggi.

Kita berharap supaya pihak MARA dapat memperbanyakkan lagi Pusat Giat MARA ini ke seluruh negara dan kalau kita perhatikan pada keadaan gejala sosial pada hari ini asasnya mesti ada agama, ada pendidikan agama dan Pusat Giat MARA ini juga di samping menyediakan pendidikan teknikal dalam bidang-bidang tertentu, perlu juga dititikberatkan tentang pendidikan agama, kerana kebanyakan yang menuntut atau mengikuti kursus ataupun pelatih-pelatih di Pusat Giat MARA itu merupakan golongan remaja. Jadi, sehubungan dengan ini sesuai kalau Pusat Giat MARA ini diubah nama supaya menjadi Pusat Teknikal Islam, kerana di Pusat Giat MARA ini bermacam-macam teknik saya yakin boleh diajar termasuk sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Rompin dalam soalan tambahan dahulu supaya meminta Pusat Giat MARA menyediakan latihan dalam bidang IT.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Rompin yang memimpin PAC. Kalau kita sebut PAC ada kaitan dengan audit, kita berharap supaya ketua-ketua jabatan memberi kerjasama kepada Jabatan Audit. Teguran-teguran yang disampaikan oleh Ketua Audit Negara kadang-kadang kita dapati apabila pegawai audit datang ke pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan, pegawai audit kena duduk di bawah tangga ataupun di penjuru mana-mana, kerana ada yang menganggap pegawai

audit sebagai musuh mereka, takut kepada pegawai audit lebih daripada takut pegawai BPR.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan negara, mutu pengurusan negara di jabatan-jabatan kerajaan, di kementerian-kementerian, di agensi-agensi sukacitalah saya menyebut beberapa teguran daripada Ketua Audit Negara. Ada banyak kes yang disebut dalam teguran-teguran Ketua Audit Negara yang perlu diambil perhatian, Ketua Audit Negara tugasnya bukan untuk membetulkan kesilapan, tetapi untuk mengesan, untuk memberi teguran di mana yang patut diperbetulkan. Misalnya dalam kes ini kertas kerja sokongan yang tidak dikemukakan bersama dengan akaun awam dalam tahun 1996 ada 14 kes yang melibatkan jumlah perbelanjaan lebih daripada RM150,000. Saya berharap pada masa-masa hadapan bahawa bilangan kes ini akan berkurangan. Begitu juga tentang adanya pegawai pengawal yang tidak mengesahkan penyata belanjawan bulanan bagi tiga bulan berturut-turut ataupun lebih. Dalam tahun 1996 ada 26 kes melibatkan 41 maksud perbelanjaan. Ini amat mendukacitakan kita dalam kita sama-sama di dalam negara untuk membawa pendekatan perkhidmatan dan penjimatan ataupun 'perbelanjaan berhemat' berlaku kes-kes yang begini dan didapati juga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

....

Tuan Md. Isa bin Sabu: pegawai pengawal.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila gulung.

Tuan Md. Isa bin Sabu: sedikit lagi.

Dato' Hajji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Pegawai pengawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini yang bangun, saya rasa masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Saya hendak tutuplah ini Yang Berhormat. Pegawai pengawal yang tidak mengesahkan belanjawan pada akhir tahun 1996 ada tujuh kes dan banyak lagi kita dapati ada juga negeri-negeri yang langsung tidak bayar hutang kepada kerajaan dan saya dapati dalam senarai yang nombor satu ialah negeri Kelantan. Negeri saya sungguhpun kecil tidak duduk nombor satu Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah yang saya minta supaya kita ambil perhatian dan di samping itu juga saya haraplah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepertimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat Menterinya untuk sama-sama membangun terutama sekali ibu tunggal [*Ketawa*] sedikit lagi, mengambil perhatian bahawa dalam pembangunan luar bandar ini melibatkan ramai wanita, kerana wanita ada kekuatannya Tuan Yang di-Pertua. Kekuatan wanita ini kita tidak tahu sebelum diuji, kekuatan wanita ini seperti uncang teh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Md. Isa bin Sabu: selagi tidak masuk dalam air panas kita tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya hendak tanya sedikit.....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Md. Isa bin Sabu: yang bangun ini hendak minta penjelasan atau hendak tunjuk minat hendak berbahas? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak berucap.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia belum habis berucap lagi Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun mungkin ada pandangan-pandangan lain yang tidak dapat saya sampaikan, walau bagaimanapun saya sentiasa bersama-sama dengan kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi bersama sebagai penyokong kerajaan. Apa sekali pun kita tetap bersama dengan kerajaan. Sekian sokongan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nampaknya ramai lagi yang berminat. Saya akan cubalah untuk memberi peluang kepada semua satu demi satu. Bayan Baru.

3.50 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang krisis mata wang yang kita hadapi kini. Dalam tahun 1997 kita menyaksikan penyakit denggi dan coxsackie melanda negara kita diikuti pula oleh jerebu, kejatuhan harga saham di BSKL dan kejatuhan mata wang ringgit. Kejadian yang berlaku satu demi satu ini menyebabkan rakyat Malaysia merasa bahawa negara kita seolah-olah berada dalam keadaan sudah jatuh ditimpa tangga. Antara semua ini kejatuhan mata wang kitalah yang paling membimbangkan rakyat kita.

Rakyat kita terkejut kerana kejatuhan mata wang adalah di luar dugaan dan berlaku semasa negara kita menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik. Kekejutan rakyat kita memang ada asasnya, namun demikian kita harus menyamakan kegawatan kejatuhan mata wang negara kita dengan krisis kejatuhan Pound Sterling di United Kingdom dan Lira di Itali pada tahun 1992, ketika itu ekonomi United Kingdom dan Itali merosot. Namun kedua-dua negara itu tidak berpijak di bumi yang nyata dan terus mengekalkan mata wang masing-masing di tahap yang tinggi semata-mata hendak memastikan mata wang mereka berada di dalam Exchange Rate Mechanism (ERM) di Eropah. Manipulator mata wang menyedari kelemahan ini lalu menyerang Pound Sterling dan Lira. Walaupun Bank Pusat Itali telah menggunakan 400

bilion Deutschemark dan Bank of England menggunakan dolar Amerika sebanyak US\$77 bilion daripada rizab asing masing-masing untuk menyokong mata wang mereka, namun tindakan kedua-dua negara itu gagal mencegah kejatuhan mata wang mereka dan akhirnya kedua-dua negara itu terpaksa menarik diri daripada ERM di Eropah. Dalam serangan ini George Soros telah berjaya mengaut keuntungan sebanyak US\$10 bilion, berbeza daripada United Kingdom dan Itali.

Pada tahun 1992 ekonomi Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang teguh dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini dijangka mencatat 7.8% hingga 8%. Oleh sebab ekonomi negara kita berasaskan dasaran yang amat baik, tiada sebab mata wang kita boleh jatuh. Kita tidak dapat menafikan bahawa pihak tertentu khususnya hedge fund telah memanipulasikan mata wang kita demi kepentingan sendiri.

Kejatuhan mata wang memang mendatangkan kesan buruk terhadap ekonomi negara kita. Dalam saat kegawatan ini rakyat dan kerajaan perlu berganding bahu dan menggembeleng tenaga untuk menangani kesan kejatuhan mata wang. Langkah-langkah yang diambil perlulah menjurus kepada pengukuhan dan pengstabilan mata wang kita. Sebagai kerajaan yang perihatin terhadap kebajikan rakyat, kerajaan kita hendaklah mengadakan moratorium sekurang-kurangnya untuk tempoh setahun atau dua tahun bagi sebarang kenaikan tol tambang, cukai pintu, cukai tanah, kemudahan asas dan lain-lain untuk meringankan beban dan penderitaan rakyat dalam masa krisis mata wang ini.

Kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 2% di sektor awam. Langkah kerajaan untuk menghadkan lawatan rasmi ke luar negara, pembelian kereta rasmi yang mewah dan seminar atau kursus di hotel lima bintang untuk pegawai-pegawai kerajaan adalah wajar. Sebagai langkah tambahan biarlah saya syorkan supaya kita membatalkan sebarang jamuan yang disediakan selepas mesyuarat atau perhimpunan pegawai-pegawai kerajaan dan juga menghapuskan amalan untuk memberikan cenderamata kepada menteri atau pegawai tinggi yang merasmikan mesyuarat atau perhimpunan. Sektor swasta hendaklah juga mengamalkan langkah berjimat yang serupa dengan sektor awam untuk memastikan matlamat kita tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kira-kira 40,000 orang pelajar kita sedang menuntut di institusi pengajian tinggi di luar negeri dan menyebabkan pengaliran keluar mata wang kita sebanyak RM2 bilion setahun. Pengaliran keluar mata wang yang sebesar ini sememangnya menjejaskan imbalan bayaran negara kita. Pelajar-pelajar kita merantau ke luar negeri untuk menuntut semata-mata kerana universiti tempatan tidak mempunyai tempat yang cukup untuk mereka. Untuk mencegah pengeluaran mata wang sebesar ini, kita perlu menubuhkan universiti tempatan yang lebih banyak untuk menampung keperluan pelajar-pelajar kita yang semakin bertambah untuk mengaji di universiti. Langkah ini secara tidak langsung juga memperkukuh mata wang kita.

Rakyat kita perlu menyahut seruan kerajaan untuk mengatasi krisis ini. Jika rakyat dan kerajaan sehati dan sejiwa bertekad untuk memperkukuh ketahanan ekonomi negara, kita yakin mata wang kita akan distabilkan pada tahun hadapan - tidak lama lagi.

Kejatuhan mata wang seharusnya membawa kesan positif kepada industri pelancongan. Namun kita tidak nampak pelancong asing mencurahkan masuk ke Malaysia, meskipun melawat Malaysia untuk pelancong asing adalah lebih murah berbanding dengan keadaan sebelum kejatuhan mata wang. Walaupun mata wang kita sudah jatuh, kadar penginapan hotel kita amat rendah. Bagi hotel-hotel di Pulau Pinang khususnya hotel pantai dengan izin, beach hotel kadar penginapan merosot kepada 3%. Keadaan demikian telah memaksa hotel memberikan tawaran khas untuk menarik tetamu. Mengapakah wujudnya keadaan sedemikian dalam industri pelancongan? Jika kita mengkaji selanjutnya, kita akan mendapati memang ada sebab munasabah yang menyebabkan kemelesetan dalam industri pelancongan.

Dalam tahun 1997, Malaysia telah dirundung malang, malang tidak berbau melanda Malaysia. Mula-mula kita diserang penyakit coxsackie. Walaupun kita mengajak pakar-pakar perubatan dunia untuk menyiasat punca wabak coxsackie, namun puncanya masih belum diketahui setakat ini. Bagaimanapun negara kita telah menjadi mangsa wabak coxsackie ini, media massa luar negeri telah menasihati rakyat mereka mengelakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Perkembangan ini merupakan tamparan kepada industri pelancongan di Malaysia.

Industri pelancongan menerima pukulan yang lebih hebat lagi berikutan dengan jerebu yang melanda negara kita baru-baru ini. Jerebu menghalang pelancong yang sudah berkurangan untuk melawat Malaysia. Imej Malaysia

sebagai destinasi pelancongan terjejas berikutan dengan wujudnya wabak coxsackie dan jerebu.

Kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan perlu mengambil tindakan yang segera untuk memulihkan keyakinan pelancong antarabangsa terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Memandangkan perkembangan terkini kerajaan hendaklah melipatgandakan usahanya untuk memasarkan Malaysia sebagai pusat persidangan dan pameran.

Menurut Belanjawan 1997 kita menjangka mencapai 9.5 juta pelancong asing di samping mengurangkan kecenderungan rakyat Malaysia melancong ke luar negeri. Ekoran bencana wabak coxsackie dan jerebu yang sebaliknya telah berlaku lebih banyak rakyat Malaysia melancong ke luar negeri daripada pelancong asing melancong ke Malaysia. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan perbelanjaan rakyat di luar negeri akan melebihi pendapatan daripada pelancong asing di Malaysia. Untuk menangani keadaan ini kerajaan perlu menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Belanjawan 1997 mencadangkan pembinaan hotel kos sederhana dan kos rendah dan Belanjawan 1998 mencadangkan pembinaan hotel penginapan sederhana dan peningkatan kemudahan rumah-rumah rehat untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri. Kita patut tepuk dada tanya selera berapa hotel kos sederhana dan kos rendah sudah dibina dalam tahun ini. Jika tiada komitmen yang ikhlas untuk membina hotel kos sederhana dan kos rendah di negara kita, kita pasti tidak dapat menggalakkan rakyat melancong

dalam negeri sendiri kerana kos melancong dalam negeri sendiri lebih tinggi daripada kos melancong ke negara jiran.

Kita menyambut baik hasrat kerajaan dalam Belanjawan 1998 untuk meneruskan program penyediaan kemudahan pelancongan di seluruh negara dan juga mengurangkan duti import ke atas item-item barang yang digemari pelancong asing. Di samping itu kerajaan perlulah mengatasi kesan buruk daripada wabak coxsackie dan jerebu terhadap Malaysia dalam industri pelancongan melalui kempen dan promosi baik di dalam negeri mahupun di luar negara untuk menghapuskan prasangka pelancong asing terhadap Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini kerajaan perlu bermuafakat dengan negara-negara ASEAN yang dilanda jerebu untuk mencari penyelesaian kekal. Jika tidak saya sangsi tentang kemampuan kita untuk mencapai 10.5 juta pelancong asing dalam tahun hadapan sebagaimana yang dihasrat oleh belanjawan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita mengambil berat terhadap alam sekitar kita. Jika kita mengabaikan alam sekitar kita, kita akan menerima padahnya dan menyesal selama-lamanya. Kita perlu mengambil iktibar daripada berlakunya jerebu baru-baru ini 'Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna'. Dengan ini saya mohon menyokong dan sekian terima kasih.

4.05 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana

mendapat peluang berucap bagi pihak penduduk-penduduk Larut khususnya. Walaupun mereka tidak nampak muka saya di dalam TV ketika pembentangan perbelanjaan pada hari Jumaat, 17 Oktober oleh kerana mungkin TV3 dan RTM telah memotong perbelanjaan mereka 2%. Justeru itu tidak cukup kamera dan krewnya walaupun gambar Menteri Penerangan banyak kali dilihat selain dari Menteri Kewangan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang dibentangkan adalah berlainan dari tahun-tahun yang terdahulu kerana keadaan berjerebu dan jatuhnya harga ringgit di pasaran dunia, ianya sesuai dengan perbelanjaan untuk hanya mempertahankan ekonomi negara dalam usaha menghadapi tekanan-tekanan yang paling hebat oleh pengusaha-pengusaha atau pengurus-pengurus dana di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil beberapa topik sahaja hari ini sebagai wakil rakyat kampung dan ucapan saya berlainan jika dibandingkan dengan ucapan di Bangsa-bangsa Bersatu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita terima kasih kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar yang mana telah memberi peruntukan yang banyak dan tidak cukup. Oleh itu, yang penting sekali di kampung-kampung pada hari ini ialah jalan-jalan di kampung yang mana dibuat retak, dibuat pecah, dibuat lagi kena repair lagi.

Saya mencadangkan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya jalan-jalan kampung itu dibuat seperti jalan padang golf yang mana bagi berjalan dan ianya tidak retak, tahan lama dan kita perlu kepada pakar-pakar

engineer yang membuat padang golf untuk membuat jalan-jalan di kampung-kampung. Buat masa ini dibaiki di sana, di sini retak dan sentiasa perlu kepada pembaikan dalam masa yang singkat. Kadang-kadang hendak membaiki jalan ini lebih mahal daripada buat baru, lebih mahal tali daripada beruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada LRT yang dibina dengan indah dan cantiknya tanpa memikir sama sekali untuk kemudahan-kemudahan orang-orang cacat, orang tua, orang buta dan orang pekak. LRT dibina hanya untuk orang sihat tanpa mempedulikan orang-orang cacat, orang tua, orang buta dan pekak. Kelihatan tidak ada lif tangga khas untuk mereka ini seperti di underground dan LRT di London dan bandar-bandar besar yang lain seperti di Eropah, Jepun dan Amerika. Di manakah letaknya 'the carrying society' dengan izin yang dilaung-laungkan selama ini oleh semua pemimpin di Malaysia? Sepertimana LRT tadi, saya juga suka menyuarakan di sini dengan rendah diri bahawa rumah-rumah pangsa bagi PPRT di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang yang mana juga tidak mengambil kira untuk kemudahan orang-orang tersebut atau keluarga istimewa. Keutamaan hendaklah diberi kepada mereka menduduki tingkat bawah atau tingkat satu sahaja dengan lif-lif yang sempurna.

Saya menyokong saranan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam hal ini yang mana beliau benar-benar prihatin dan agendanya insya Allah akan berjaya apabila mendapat sokongan dari orang seperti saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah pesanan orang kampung. Berhubung dengan tol, tujuan dikorporatkan tol itu untuk faedah rakyat. Yang kedua untuk faedah kerajaan. Yang ketiga untuk faedah ahli-ahli korporat. Justeru saya yakin kalau tol naik, projek melawat dalam negeri tidak laku, PLUS boleh rugi kerana orang sederhana yang saya jumpa di kampung sepuluh orang - lapan orang mengatakan tidak hendak pergi ke mana-mana - 80% tidak mahu pergi ke mana-mana dan mereka sudah memberitahu kerana minyak kereta kancil lebih murah dari tol - lagi rantai lebih mahal daripada buruk. Perbualan-perbualan di kampung ini memang sudah menjadi asas apabila berjumpa wakil rakyat. Saya tahu mereka tidak akan menggunakan tol atau tidak lagi kerap balik melawat datuk nenek mereka yang dikasihi walaupun musim durian.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya pasport antarabangsa. Dalam pembentangan belanjawan di Parlimen oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan ia mengatakan 23 juta rakyat keluar negara. Ini bukan rakyat kampung, ini rakyat korporat yang sudah kaya dari dasar UMNO dan Dasar Ekonomi Baru Barisan Nasional dan sudah ramai ada rumah di Perth, Adelaide New Zealand, Brisbane, Melbourne, England, Canada, Amerika, New York. Orang kampung hanya pergi haji sahaja dengan pasport - nasib baik mereka ada pasport haji. Justeru itu saya mencadangkan supaya pasport antarabangsa dikaji semula dengan mengekal harga lama dan kerajaan boleh mengambil export tax umpamanya di air port RM20, RM50 ataupun RM100 seorang tiap-tiap kali rakyat Malaysia keluar, cuba kita kalikan

23 juta dengan RM50 ataupun RM20. Orang-orang kampung tidak mengambil pasport antarabangsa bahkan orang yang sama juga pergi keluar negeri tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang kampung hendak pergi Medan pun pergi minta tolong wakil rakyat, nasib baik politik beruang dilarang, kalau tidak pasport lebih mahal dari tambang kapal terbang, dari Pulau Pinang umpamanya pergi ke Medan. Saya harap penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai kanan mereka berilah pendapat. mintalah pendapat dari wakil rakyat sebelum perbelanjaan dibaca di Parlimen. Wakil rakyat memang tidak ada wang, tidak kaya, banyak fikiran, yang banyak wang macam Rompin, banyak duit dan banyak fikiran. Yang lain-lain banyak fikiran dan tidak banyak duit, kebanyakan wakil rakyat yang saya berjumpa di Parlimen semuanya mengaku PPRT, tetapi ada juga yang membawa jaguar, macam mana pun saya tidak faham. *[Ketawa]*

Tujuan kerajaan memang baik supaya rakyat tidak keluar negara, tetapi saya yakin dan saya convince, dengan izin perkara ini tidak berkesan. Dari itu tidak ada orang yang pergi ke luar negeri daripada orang kampung, orang itulah juga dan bagi orang yang hendak melawat keluarga mereka di Indonesia, Thailand dan lain-lain sekali-sekala tidak mampu kerana harga pasport lebih mahal daripada tambang kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar. Ini perlu diberi perhatian luas, kerana tiap-tiap ucapan di Parlimen saya mengambil peluang untuk memberitahu Parlimen ini mengenai tanah terbiar di seluruh kampung.

Memang sudah banyak diperkatakan dan kementerian telah memberi peruntukan yang banyak, tetapi sedihnya pelaksanaannya amat lemah, sampai masa ini tidak banyak kesan pembangunan tanah terbiar. Kerajaan perlu bezakan antara tanah terbiar dan orang terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, point yang lain. IKS sebanyak RM1 bilion diperuntukan. Tetapi IKS yang saya minta untuk dibina di Larut, di Selama dan di Batu Kurau hingga sekarang ini pun belum dapat berita dari Kak Long (MITI). Tolonglah, saya sudah tidak pandai hendak beralih bila berjumpa rakyat, jalan sudah baik, air sudah ada, elektrik dan lain-lain infrastruktur sudah ada sejak saya menjadi wakil rakyat dari pilihan raya tahun 1986 [*Tepuk*] kalau tidak cerita siapa yang tahu! [*Ketawa*] Tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tahu hari ini ada dalam akhbar *The New Strait Times* [*Sambil menunjukkan potongan akhbar*] ‘Zihin and Rakan-rakan’. [*Tepuk*] Inilah ‘Larut Fault Claimer for Development’. Hari ini bercakap - hari ini keluar, best!

Baru-baru ini berhubung dengan saman ekor, ini serius. Baru-baru ini menteri yang berkenaan menjawab mengenai saman ekor. Banyak didapati bahawa ramai orang tidak mengaku ianya disaman ekor dan kementerian berkata ianya boleh dibatalkan kalau kompelin. Begitu juga saman kereta dengan cara curi-curi di mana-mana pegawai trafik menyorok di celah-celah tiang, di celah-celah batu, kadang-kadang dalam longkang pada satu masa. [*Ketawa*] Apa akan jadi kalau kereta atau lori terbabas [*Ketawa*] di celah longkang atau di belakang longkang di tiang? Yang anehnya ialah saman ekor,

saman curi, menyorok di tepi-tepi jalan ini tidak mengikut syarak, mana orang PAS? Sedangkan kerajaan mempelopori nilai-nilai Islam di semua peringkat termasuklah Jabatan Polis dan Trafik. Pendapatan itu adalah haram dan semua pegawai polis itu bersubahat. Sabda Rasulullah s.a.w *[Membaca sepotong Hadis]* member yang pandai bahasa Arab sama saya di sekolah itu tahulah.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Timbalan Menteri bangun.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan ini tidak boleh membaca. Ini saya tengok Yang Berhormat dari tadi membaca sahaja macam tidak tahu hendak bercakap apa!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Serupa tahun lepas dia tegur macam itu juga. Kalau hendak bercakap tidak tengok ini kena beri masa sejam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tetapi masa sudah tidak banyak, jadi saya rasa polis termasuk di semua peringkat hendaklah mensyariatkan kerja mereka untuk mendapat keredaan Allah S.W.T okay!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat tadi ada teguran sama ada Yang Berhormat membaca atau membahas.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya membaca note kerana masa singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya polis tadi diletakkan di tiap-tiap 50 batu ataupun 30 batu seperti di negeri China, biar kita nampak polis itu betul-betul, biar dia tahan kita betul-betul. Biar dia saman kita betul-betul, ini saman curi macam hendak tangkap orang khalwat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tadi janji tidak mahu tanya apa. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah ubah fikiran Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan. Saya tertarik dengan saranan Yang Berhormat itu berhubung dengan negeri China, digunakan polis ditiap-tiap 50 kilometer. Jadi, kalau jalan itu panjang seperti di Malaysia ini, jadi tidak cukup pegawai polis hendak ditugaskan. Setujukan Yang Berhormat kalau kita pasang patung polis di tiap-tiap jalan?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya memang hendak menyebut 'patung', tetapi kalau sebut 'patung' nanti orang kata wakil rakyat Larut bodoh, biarlah letak polis hidup, patung macam itu juga, sekarang ini kereta besar-besar dia lari macam itu juga kalau di hadapan patung. Patung

pun biarlah patung yang berdisiplin dan beragama Islam *[Ketawa]* - minta maaf Tuan Yang di-Pertua itu melawak sahaja.

Saya mencadangkan supaya diadakan polis sepanjang jalan kerana kita sekarang ini hendak banyakkkan polis dan menggalakkan ramai orang bekerja dengan polis, jadi murid-murid sekolah pun bolehlah beri mereka galakan menjadi polis untuk menjaga jalan raya yang begitu bahaya hari ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Larut. Dahulu polis memang ada di tepi jalan, mereka tahan, tetapi apabila ditahan, ditengok crown Yang Berhormat Larut turun minta ampun, minta maaf selepas itu dia pun merasa kasihan pada Yang Berhormat Larut - lepas, jadi yang kena semua pihak yang tidak ada crown. Kalau tahan kereta besar-besar, tengok orang besar, polis pun naik takut juga hendak saman. Jadi sekarang ini polis saman ekor, jadi semua kena, yang ada crownkah atau yang tidak ada crown. Ini bukankah lebih adil pada masyarakat?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tentang saman itu adil, tentang implimentasi itu tidak adil. Jadi, macam saya sekarang crown tidak ada di belakang sudah mula hendak kena saman, tadi saya suruh drebar pasang di belakang, mudah-mudahan tidak kena. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya kembalikan ucapan saya kepada murid sekolah yang lepas peperiksaan SPM atau STPM dan berbagai-bagai lagi peperiksaan yang mana mengambil masa lama untuk menunggu keputusan mereka. Mereka banyak membuang masa melepak di kedai-kedai di tempat-tempat hiburan dan ada yang menghisap dadah dan terlibat dalam maksiat-maksiat yang besar. Perkara ini hendaklah diberi perhatian serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan.

Saya mencadangkan supaya kementerian atau kerajaan mengadakan agenda khas atau diserapkan ke dalam pasukan keselamatan sementara (national service) iaitu sebulan, dua bulan atau tiga bulan supaya mereka ini diberi kursus-kursus berdisiplin, mempertahankan diri dan takut kepada Allah S.W.T, kepada Rasul, kepada pemerintah, ibu bapa dan dengan training facilities studies saya percaya apabila keputusan mereka keluar, mereka lebih berdaya apabila habis kursus itu untuk menyambung pelajaran semula dengan penuh kesedaran dan minat untuk maju. Bagi setengah-setengah murid khasnya bumiputera peperiksaan SPM, mereka tidak ada apa-apa agenda, membuang masa dan apabila keputusan mereka keluar mereka tidak ada minat lagi hendak sambung pelajaran, bahkan setengah-setengah mereka sudah bekerja di kilang dengan gaji lumayan, tetapi bila sudah tua kilang mana lagi hendak menerima mereka. Mereka akan menjadi masalah kepada kerajaan. Mereka juga boleh diberi kursus-kursus IT umpamanya sama ada JPA sendiri ataupun mana-mana institusi pelajaran kerana semua institusi itu guru-guru dan pakar-pakar mereka banyak dan gaji mereka lumayan, tetapi kerja sedikit. Ramai pakar-pakar ilmu

di universiti-universiti sanggup mengatur kursus-kursus seperti itu sekiranya diberi elaun, kerana sekarang ini orang pandang kepada duit, ada duit semuanya boleh jadi, cuma kita sahaja perlu memikirkan perkara ini. Dan juga untuk ini saya rasa korporat-korporat yang berjaya pun boleh diminta untuk memberi sumbangan bagi kepentingan mereka sebagai balasan kepada rezeki yang banyak, yang mereka dapat daripada Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kapal terbang MAS. Saya rasa tidak adil kalau pengkritik-pengkritik tidak mempunyai nawaitu yang baik, mungkin prejudice, jealousy, dengan izin. Sejak Parlimen bersidang hampir sebulan belum ada satu suara pun yang menyebut apa yang MAS buat baik dan yang tidak baik, semuanya menyebut kesan kelam-kabut, jerebu dan agenda penerbangan yang tidak dapat dikelolakan dalam masa darurat itu. Saya rasa ada baiknya kita menyebut yang baik dan juga kita menyebut yang tidak baik.

Pada hemat saya sebelum diserahkan kepada Tan Sri Tajudin Ramli, semua orang puji MAS, sampai ada orang yang kata nombor satu dalam dunia, SIA kalah, Air France kalah, Garuda kalah, BA kalah, Air New Zealand kalah, semua in the world kalah. Tetapi takkanlah bila seorang individu memegang teraju MAS semuanya tidak baik. Barisan MP pun perlu beri fikiran dengan nawaitu yang baik kepada MAS supaya MAS terus maju, memang banyak kompelin sampai 10,000 kepada pengerusi eksekutifnya. Saya percaya rakyat juga perlu memberi sokongan kepada MAS supaya ianya terus maju, inilah kalau ada orang-orang lain hendak kepada MAS kenalah berunding dengan kabinet dan Perdana Menteri.

Kita juga berbangga dengan MAS pada satu masa dan menghentam MAS pada masa yang lain. Kenapakah pengkorporatan lain-lain tidak sebegitu? Marah pada MAS, kita boleh kritik MAS, tetapi jangan sampai MAS saman ke mahkamah, kalau kena saman Pokok Sena kata kena main gitar sekurang-kurangnya berpuluh tahun di hadapan Globe Silk Store, pakai cermin mata hitam, pakai baju merah untuk mengutip wang RM80 juta, hendak mampus! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila gulung.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak gulung ini. Ada dua point lagi.

Mengenai tanah FELDA, sudah ramai peneroka-peneroka FELDA sekarang ini berangan-angan hendak jadi dengan izin, instant millionaires untuk menjual tanah mereka kepada usahawan-usahawan bagi dimajukan. Saya minta menteri berkenaan dengan seriusnya memberi penjelasan kepada Dewan ini dan kepada saya khasnya berhubung dengan hal ini dan di mana FELDA yang akan dijual silalah ambil perhatian adakah ianya menguntungkan taukeh-taukeh, peneroka-peneroka, cucu-cucu taukeh atau cucu-cucu peneroka. Saya harap perkara ini diberi perhatian supaya orang Melayu khasnya peneroka-peneroka akhirnya tidak tinggal seluar dalam dan sila bentangkan syarat-syarat penswastan itu dan masa depan peneroka-peneroka, masa depan cucu-cucu dan cicit-cicit peneroka, bukan masa depan taukeh-taukeh dan anak cucu taukeh-taukeh. Ini amatlah mustahak kerana saya bimbang di masa ini banyak penipuan, penyelewengan dan pelbagai lagi. Dengar-dengar angin FELDA di Ijuk di kawasan saya pun sedang berangan-angan naik motor Kriss, sekarang ini naik Krisslah sedikit lagi hendak beli jaguar, kalau wakil rakyat dia kata.

Kita bukan takut kalah, kita berjuang kerana rakyat, kalau rakyat pakai jaguar - pakailah.

Point yang akhir sekali ialah bola. Saya minat bola. Saya adalah peminat Manchester United - England [*Ketawa*]. Saya minat bola Malaysia, tetapi kalah di Jakarta. Dalam perangkaan saya, kalau team veteran Selangor lawan dengan Laos pun draw [*Ketawa*] - tidak payahlah team Malaysia. Lagi satu bola ini saya minat, sekarang ini bola yang besar-besar tunjuk di England, di Spain dan di lain-lain melalui Mega TV dan Astro.

Bagi PPRT, bagi setengah-setengah wakil rakyat tidak ada Astro dan tidak ada Mega TV, saya minta kementerian yang berkenaan mengambil berat, yang mana ditunjukkan dalam Astro tunjuklah dalam Mega TV, kerana rakyat kampung sudah mula marah, mereka kata semua hendak korporat-korporat, kami ini 'dok keparat-keparat sahaja, kau teruk-kau teruk'. Jadi, tunjuklah bola ini dalam TV seperti biasa kerana Dunhill memberi sumbangan dan lain-lain lagi memberi sumbangan. Oleh itu saya rasa kementerian yang berkenaan mesti mengambil berat dalam perkara ini kerana penonton-penonton bola Manchester United-Liverpool semua itu adalah orang-orang kampung yang tengok dalam televisyen dan mereka mengundi Barisan Nasional sebelum mereka mengundi parti lain. Walaupun semalam kita menang, kita tidak tahu kita terus menang walaupun di Changkat Jering atau di Sungai Bakap. Kalau siap pertunjukan bola ini saya rasa kita dapat majoriti lebih, biar DAP kalah lagi. Dengan itu saya rasa cukuplah ucapan saya dan akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Bomba Malaysia yang mana bertungkus-lumus, gadai nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, memadam api ini payah, kalau hendak cucuh api senang. Bayar RM2,000 saya rasa tidak banyak, kalau boleh fikirkan bayar lebih lagi. Cuba fikir padam api, hendak hidup api senang, ada mancis pun boleh. Oleh itu saya rasa kita berjaya dan saya menyokong semua apa yang tercatat dalam perbelanjaan dengan izin, amendments seperti apa yang saya kata pada hari ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sandakan.

4.30 ptg.

Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan kerana mengemukakan satu lagi Belanjawan yang bijaksana memberikan keyakinan kepada Malaysia untuk memberikan kemandirian kepada ekonomi dan membawa negara ke arah pertumbuhan yang berterusan. Belanjawan ini amat praktikal untuk menangani krisis mata wang yang dihadapi sekarang. Saya rasa Belanjawan 1997 berhubung rapat dengan pembangunan di negeri Sabah.

Saya ingin menekankan beberapa perkara di mana perhatian khas harus diberikan dari segi peruntukan demi menjamin keberkesanan dalam pelaksanaan pembangunan di Sabah. Satu faktor yang amat penting bagi mencapai sasaran pembangunan ekonomi adalah mengadakan infrastruktur asas utama, seperti rangkaian jalan raya, bekalan elektrik, perairan yang baik. Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dalam bidang ini amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Tenaga Nasional Berhad kerana akan mengambil alih pengurusan Lembaga Letrik Sabah pada 1 Januari 1998. Penyertaan Tenaga Nasional Berhad yang menerajui konsortium untuk mengambil alih Lembaga Letrik Sabah akan memberi harapan cerah kepada rakyat khususnya masyarakat di Sandakan dalam menikmati perkhidmatan bekalan elektrik yang bermutu. Malangnya, gangguan bekalan elektrik yang sering terputus-putus dari bulan Mei 1997 hingga Oktober 1997, terutama sekali pada 23 Oktober di mana kawasan Batu Lima sehingga Batu Lapan telah mengalami gangguan elektrik terputus selama 11 jam telah menyebabkan berbagai-bagai kerumitan dan kerugian kepada penduduk di Sandakan. Ini merupakan satu perkara yang amat serius dihadapi oleh penduduk Sandakan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan harus memastikan bahawa keputusan untuk menswastakan LLS akan meningkatkan serta memperbaiki kemudahan bekalan kuasa di Sabah, khususnya di Sandakan dan juga akan mempercepat penyediaan bekalan kuasa tinggi dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak dan keperluan pengguna-pengguna di seluruh negeri Sabah, meski pun apa yang telah dibincangkan ia adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa Kerajaan Persekutuan harus meminta Lembaga Letrik Sabah membuat satu rancangan jangka pendek untuk

mengatasi keputusan elektrik yang berterusan di mana ia berlaku hampir setiap hari dalam bulan Oktober 1997 sebelum Tenaga Nasional Berhad secara rasminya mengambil alih pentadbiran Lembaga Letrik Sabah. Saya juga bercita-cita tinggi agar Tenaga Nasional dapat melaksanakan rancangannya dengan lancar demi menjamin pembangunan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan sedang menghadapi kekurangan bekalan air kerana kapasiti takungan air tidak cukup memenuhi kehendak pengguna-pengguna di Sandakan. Untuk tahun 1997 jumlah kapasiti kekurangan ialah 82.5 MLD setiap hari, tetapi keperluan ialah 87 MLD setiap hari, kekurangan ialah 4.5 MLD. Menjelang tahun 1998 keperluan air ialah 22.7 MLD dan kekurangan ialah 9.7 MLD. Menjelang tahun 1999 keperluan air ialah 97.7 MLD dan kekurangan ialah 15.2 MLD. Menjelang tahun 2000 keperluan akan menjadi 103.6 MLD dan kekurangan ialah 21.1 MLD. Memandangkan seriusnya kekurangan bekalan air, iaitu satu keperluan yang penting untuk membekal peruntukan untuk melaksanakan skim Lanjutan Bekalan Air Sandakan Peringkat II (Sandakan Water Supply Extension Scheme Phase II) yang dicadangkan oleh Jabatan Air dalam tahun 1995, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian serius dalam perkara ini dengan membekalkan peruntukan untuk mengatasi kekurangan bekalan air di Sandakan di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Sandakan yang semakin meningkat telah menyebabkan kesesakan di jalan raya. Demi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya, maka dicadangkan jalan yang sedia ada diperbesar atau diperbaiki. Antara jalan raya yang termasuk dalam golongan ini adalah:

- (a) jalan raya dari Pekan Sandakan menuju ke daerah Kinabatangan, dan Pekan Telupid di daerah Ranau;
- (b) membina bulatan di kawasan Batu Empat dan Batu Lima, Jalan Labuk;
- (c) jalan dari Batu 32 Jalan Labuk ke Pekan Beluran yang ada dalam peringkat perancangan dan menelan perbelanjaan RM48 juta harus dipercepat memandangkan keadaan jalan raya yang sedia ada adalah penting untuk pengangkutan berat, barangan minyak kelapa sawit.

Terdapat dua lagi projek pembinaan jalan raya telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan kini masih dalam peringkat perancangan dan kajian oleh Jabatan Kerja Raya:

- (a) Sibuga bypass yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan nilai RM23 juta didapati setakat ini masih belum memulakan pembinaan. Jalan ini akan menyambung kawasan perindustrian dengan Pelabuhan Sandakan. Buat masa ini kebanyakan kenderaan berat mengambil jalan ke Pelabuhan Sandakan melalui kawasan bandar dan ini telah mengakibatkan kerosakan jalan dan kemalangan. Saya berharap agar projek pembinaan ini dapat dilaksanakan pada tahun 1998 dan beroperasi sebelum tahun 2000.
- (b) Untuk meningkatkan sebuah dual-carriage way dari Batu Enam ke Batu Lapan. Peruntukan sebanyak RM1 juta telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya berharap Jabatan Kerja Raya akan mempercepat rancangan ini memandangkan kesesakan jalan raya yang serius di bandar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerja Raya telah mengemukakan cadangan untuk meningkatkan lapan persimpangan jalan utama di Sandakan. Peruntukan sebanyak RM4.3 juta diperlukan untuk memperbaiki kelapan-lapan persimpangan jalan tersebut. Tetapi setakat ini hanya RM1.5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dua persimpangan jalan. Saya berharap kerajaan akan memandang perkara ini dengan memberikan tambahan peruntukan sebanyak RM2.8 juta pada tahun ini kepada Jabatan Kerja Raya Sabah supaya mereka dapat meningkatkan lagi enam persimpangan jalan yang lain di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Sandakan, wad pembedahan terlalu penuh sesak dan pesakit-pesakit terpaksa menunggu masa yang panjang sebelum memberi rawatan. Tambahan pula rawatan buah pinggang di Sandakan juga menghadapi masalah yang serius. Mesin dialysis adalah terhad dan tidak mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan rawatan yang cekap untuk keperluan pesakit-pesakit. Oleh sebab itu, pesakit telah dinasihatkan oleh pihak hospital untuk menerima rawatan daripada hospital swasta di Kota Kinabalu atau menggunakan mesin dialysis di rumah. Dengan polisi perbelanjaan rawatan sendiri ini telah menyebabkan masalah sosial yang serius kepada mereka yang miskin dan tidak dapat memberi rawatan umum. Ini adalah penting untuk pihak Kerajaan Persekutuan memberi lebih banyak peruntukan kewangan kepada Hospital Sandakan untuk meningkatkan dan

menambahkan peralatan rawatan serta mengatasi masalah-masalah tersebut yang sedang dialami oleh penduduk-penduduk di Sandakan.

Saya berharap Kementerian Kesihatan harus mempertimbangkan pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Perubatan Malaysia untuk meninjau kembali gaji dan elaun doktor-doktor. Gaji dan elaun doktor-doktor adalah rendah berbanding dengan doktor persendirian. Ini mengakibatkan banyak doktor meninggalkan jawatan mereka selepas memberikan perkhidmatan beberapa tahun di hospital dan menceburkan diri dalam bidang swasta.

Di Sandakan, kerja pembinaan poliklinik yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah dimulakan, tetapi didapati proses pembinaannya adalah terlalu lembab. Demi menjamin perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat Sandakan, kerja-kerja pembinaan harus dipercepatkan. Kerja pembinaan poliklinik dijangka akan dilaksanakan dalam bulan April 1998. Ini adalah penting untuk pihak Kerajaan Persekutuan mengambil lebih ramai pakar-pakar kedokteran bertugas di poliklinik Sandakan supaya poliklinik Sandakan dapat memainkan peranannya serta memberi lebih banyak perkhidmatan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelancaran program Multimedia Super Corridor baru-baru ini, Malaysia bertambah maju dalam teknologi informasi. Kami menjamin generasi muda di negara ini menjadi mahir dalam mengendalikan komputer. Maka dicadangkan agar kerajaan dapat meluluskan peruntukan dalam membekalkan komputer-komputer kepada semua sekolah di negeri Sabah, kerana dibanding dengan Semenanjung Malaysia, negeri Sabah masih jauh ketinggalan dalam kemajuan IT. Untuk meningkatkan tahap pendidikan moden, semua sekolah hendaklah dibekalkan dengan komputer, mengadakan pendidikan komputer di semua sekolah selaras dengan dasar kerajaan. Tambahan pula baru-baru ini kerajaan telah memperkenalkan satu polisi yang baik dengan mencadangkan pinjaman dan kadar faedah yang rendah kepada pelajar-pelajar beraliran Sains. Ini adalah satu peluang yang baik kepada pelajar-pelajar yang mempunyai minat dalam bidang ini, mempelajari sains dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyeru semua rakyat bersatu hati dengan pertahankan mata wang Ringgit Malaysia adalah satu tindakan yang wajar. Kejatuhan mata wang Malaysia disebabkan oleh manipulasi yang berlebihan. Dijangka mata wang Malaysia akan naik tidak lama lagi memandangkan negara ini mempunyai banyak sumber yang bernilai. Kejatuhan mata wang akan menjadi barangan

eksport diletakkan di tempat persaingan yang lebih baik dengan negara-negara yang mempunyai nilai mata wang yang lebih tinggi.

Akhir sekali, saya menggesa semua rakyat Malaysia supaya bersatu hati dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di dalam masa yang penting apabila negara kita sedang menghadapi masalah ekonomi disebabkan oleh manipulasi mata wang asing. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya Belanjawan 1998. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

4.47 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap sebanyak mana Tuan Yang di-Pertua izinkan. Sebelum saya bercakap berhubung dengan perbelanjaan ini, inginlah saya bercakap satu perkara yang lain, iaitu semasa Ketua Pembangkang membuat sindiran terhadap Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini, sambil ia menegur pihak media dan negara asing kerana masuk campur politik dalam Malaysia dan menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletak jawatan. Sindiran Ketua Pembangkang tidak mendapat highlight dari media, tetapi sokongan yang disebar luas mengenai segelintir rakyat Malaysia mengucapkan syukur kerana kata mereka sekurang-kurangnya Ketua Pembangkang masih sedar iaitu di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.

Tetapi di Bintulu, semasa berkempen untuk pilihan raya kecil yang baru lalu, anakanda kepada Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen dari Kota Melaka dikesahkan di dalam ceramah telah mencacikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai 'international big mouth' iaitu 'IBM' semasa berkempen di Bintulu. Kalau kesah ini benar, sudah nyata sekali pasti benar, ternyata sekali gergaji dua mata dan hipokresi DAP tidak ada tolok bandingnya. Dua beranak, si bapa menyindir tetapi memberi sokongan, si anak secara senyap-senyap menghina dan mengeji secara biadap dan tidak rasa segan silu, terutama kepada seorang pemimpin yang disanjung bukan sahaja di negara kita ini, tetapi juga di masyarakat antarabangsa. Tingkah laku Ahli Yang Berhormat ini tidak sekali-kali mencerminkan budaya dan tamadun orang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya berbalik kepada persoalan yang ada di hadapa kita. Secara ringkas perkara yang ingin saya sentuhkan ialah soal dasar kewangan negara, kerjasama serantau Asia Pasifik untuk mengatasi dan mengurangkan manipulasi mata wang. Yang kedua, dasar pendidikan,

pendekatan dan orientasi pengajaran sekolah dan masalah sosial murid dan guru-guru, pencemaran alam sekitar, jerebu, undang-undang syarikat tempatan dan tanggungjawabnya, El-Nino, pihak berkuasa Indonesia, pengurangan 2% peruntukan dari Belanjawan 1998 untuk tujuan berjimat cermat kerajaan dan langkah-langkah dan kawalan kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi dan wang negara telah menerima tekanan yang hebat dari pihak manipulator luar dan dalam. Reaksi daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan menamakan George Soros sebagai seorang dalang yang telah menjejaskan ekonomi di rantau ini patut disokong. Walaupun pendedahan dan kecaman itu dianggap sebagai satu retorik yang tidak akan memberi kesan apa-apa sama ada kepada George Soros ataupun mana-mana manipulator lain, tetapi kata-kata pedas dan keras Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tetap mendatangkan reaksi dan aksi berbagai-bagai di seluruh dunia. Susulan dari itu, saya telah difahamkan yang pihak IMF dan World Bank akan mengambil tindakan positif atas inisiatif dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Justeru itu, patutlah juga kita berterima kasih kepada pihak IMF dan World Bank kerana telah menerima cadangan Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, soal ekonomi dan mata wang, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang pertama bagaimanakah reaksi pelabur dan masyarakat business Amerika, Eropah, Asia dan Latin Amerika, Afrika dan ASEAN kata-kata keras dan pedas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Jikalau ada reaksi negatif, apakah tindakan diplomatik dan penjelasan yang telah atau akan dibuat oleh pihak kedua-dua kementerian itu? Yang kedua, jika pihak pelabur luar negara terutama Amerika dan Jepun kerana perhubungan George Soros dengan negara-negara tersebut, bagaimana pula dengan Britain dan ASEAN sendiri? Yang ketiga, adakah mekanisme yang dirancang di peringkat ASEAN untuk mengukuhkan keadaan bursa dan mata wang negara-negara ASEAN? Selanjutnya bagaimanakah sambutan masyarakat antarabangsa atas saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengharam atau meregulatekan, dengan izin, currency trading selain dari tindakan balas IMF dan World Bank itu? Yang keempat, saya juga ingin mengetahui sama ada kerajaan sedar atau meneliti semula semua dasar ekonomi dan kewangan kerajaan agar jangan dipandang sebagai *ad-hoc* dan jangka pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan sedikit mengenai masalah sosial dalam negara kita yang masih melanda. Negara sekarang meraba-raba untuk mencari punca dan sebab kenapa masalah

sosial, kurang disiplin, lepak, bohsia, bohjan, bebas seks berlaku di kalangan remaja. Adakah ibu bapa yang salah, adakah suasana sosial dan ekonomi yang salah? Pendedahan kepada media asing, budaya Hollywood dan TVkah yang salah? Bagi saya sedikit-sebanyak semuanya boleh dipersalahkan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya. Pencanai mestilah tegas, betul dan tidak mengelirukan. Kerana hasil dari benih yang baik tetap baik juga bakanya. Pencanai remaja ialah di rumah dan di sekolah, kawan dan taulan, suasana ekonomi, sosial boleh mengelirukan mana-mana orang lebih-lebih lagi remaja. Jika landasan yang kukuh telah dibina, acuan yang sempurna telah ditempah, insya Allah, akan sempurna jualah produknya sesempurna insan yang bergelar manusia.

Untuk itu, izinkan saya mencadangkan beberapa perkara, iaitu pertama, semua murid mestilah diberi ilmu dan pengetahuan seks dan panduan kekeluargaan, dengan izin, sex education and parenting skill sekurang-kurangnya di peringkat Tingkatan V dan VI. Yang kedua, kemasukan ke universiti hendaklah dilandas kecemerlangan ujian lulus mata pelajaran yang relevan jurusan pelajaran di universiti sahaja, bukan kelulusan sijil penuh seperti sekarang. Murid-murid dari Tingkatan I hingga Tingkatan VI hendaklah diberi pelajaran ilmu sex education dan parenting skill yang mungkin dibahagi dua peringkat. Peringkat pertama Tingkatan I hingga ke III ialah sex education *per se*. Pelajaran ini hendaklah dikenalkan mencelikkan semua masyarakat pelajar di dalam ilmu dan pengetahuan seks. Silibus hendaklah mengandungi seks dan tujuan ciptaannya, seks dan agama, seks dan kesihatan, seks dan moral, seks dan larangan-larangannya, seks dan perkahwinan.

Peringkat yang kedua, Tingkatan IV hingga VI education seterusnya merangkumi dan mengalami semua soalan, iaitu perkara yang telah saya sebutkan tadi dari satu sampai lima di atas. Yang kedua, skill keibubapaan ataupun parenting skill. Yang ketiga, tanggungjawab sosial dan agama. Yang keempat, ibu bapa yang bijaksana dan kamil.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan ke Tingkatan IV mesti diketatkan, mengelak murid-murid dari buta huruf naik ke Tingkatan IV. Dasar lulus satu mata pelajaran untuk naik ke Tingkatan IV mestilah ditarik balik yang ada pada masa sekarang. Mereka yang naik ke Tingkatan IV mestilah mereka yang betul-betul berupaya melalui dan menjelajah ke alam akademik. Sekolah Teknikal diwujudkan di seluruh negara untuk melatih dan mengeluarkan keperluan tenaga mahir dan separuh mahir negara. Sekolah-sekolah ini khususnya untuk mengambil secara wajib semua drop-outs di Tingkatan III. Mereka tidak boleh menyambung secara amademik. Silibusnya ialah berpatutan keperluan tenaga mahir dan kurang mahir negara. Pengajian dari enam bulan hingga ke dua tahun tertakluk kepada

jurusan dan kemampuan pelajar. Setiap yang lulus yang menerima sijil mahir atau separuh mahir dan mendapat placement di kilang-kilang dan industri yang relevan untuk mengelak serta membazir seperti yang berlaku di Amerika pada tahun 1990, 1991 dan 1992 mestilah di pusat pentadbirannya. Jikalau ada di kalangan murid-murid ini berkemampuan dan memajukan cemerlang akademik semasa di sekolah Teknikal tersebut secara pilihan sendiri boleh menduduki SPVM yang membolehkan mereka balik ke sekolah biasa di Tingkatan V atau Matrikulasi atau ITM atau mana-mana universiti dan institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, institusi pengajian tinggi (IPPT) yang khususnya ditubuh untuk menerima murid yang kurang berprestasi akademik atau tidak mendapat peluang memasuki universiti atau IPT biasa atau dalam negeri selepas peperiksaan SPM atau SPVM, IPT ini bolehlah memberi latihan peringkat diploma atau ijazah dalam bidang kejuruteraan teknikal dan bidang kemahiran tinggi. Tuan Yang di-Pertua, dengan singkatan pelajar berperingkat mengikut kemampuan dan prestasi akademik murid-murid sedemikian kita akan mengelak atau mencetus beberapa perkara seperti di bawah.

Pertama, murid-murid yang buta huruf tidak akan naik ke pangkat sewenang-wenangnya. Murid-murid ini berpotensi mendatangkan invisible cost kepada kerajaan seperti ruang, kemudahan buku, guru dan sebagainya. Kemungkinan murid-murid ini mencapai kecemerlangan akademik adalah tipis sekali. Guru akan menekan, rakan akan menekan dan menyindir mereka, tetapi prestasi tetap sama gagal menyerlah. Akhirnya, murid-murid ini menjadi binggung, marah dan kecewa tanpa bimbingan yang sesuai dari ibu bapa dan sekolah. Murid-murid ini akan menjadi bully, ganas dan menjadi petualang sekolah. Prestasi buruk sebilangan kecil ini akan membebankan sekolah dan guru dan akhirnya sekolah dan guru menjadi demoralised, dengan izin, dan hilang motivasi. Dengan itu juga prestasi sekolah berkenaan akan terjejas keseluruhannya. Sebaliknya jikalau murid ini diberi peluang untuk memilih jurusan dan institusi tempat mereka terus belajar di dalam bidang yang diminatinya yang mana prestasi akademik bukan lagi menjadi beban hidup dan kebolehannya, banyak kemungkinan mereka ini boleh menjadi pelajar teknikal yang baik dan cemerlang.

Laporan dari Kementerian Pembangunan Industri Sarawak berlandaskan prestasi 300 pekerja Comet mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia peringkat Tiga dan Sijil Am Pelajaran boleh menjadi pelajar teknikal Comet di California, Amerika Syarikat yang cemerlang dan diakui oleh Comet Malaysia. Anak-anak Malaysia boleh dan boleh menyumbang kepada keperluan tenaga mahir yang

amat diperlukan oleh kerajaan dan industri negara. Kemungkinan murid-murid ini menjadi masalah sosial seperti lepak, bohsia, bohjan, meninggal kelas, melawan guru dan ibu bapa mungkin tidak berbangkit. Kalau tidak ada tekanan dari guru, rakan-rakan, ibu bapa untuk mencapai kecemerlangan akademik yang diorientasikan oleh sekolah dan dikehendaki oleh masyarakat, murid-murid ini boleh menjadi masyarakat Malaysia yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keciciran sumber manusia di peringkat muda umur di antara 9 ke-16 tahun menjadi penjenayah seramai lebih 4,000 orang, berapa ribu lagi menjadi penagih dadah dan lepak, bohsia, bohjan dan sebagainya. Ini memaksa kita secara berfikiran terbuka untuk melihat semula sistem pendidikan kita. Walaupun banyak diperkatakan masalah ini berlaku oleh kerana ibu bapa yang kurang prihatin dan cuai, tetapi di pihak kerajaan jangan cuba melentur buluh atau melatih anjing tua dengan muslihat baru. Keperluan tenaga manusia memaksa kita memilih menjadi pragmatik dan rela berubah dengan keadaan baru. Banyak sangat pekerja asing kerja di kilang, tapak pembangunan, ladang dan seterusnya rumah-rumah kediaman kita. Kita mesti menerima hakikat tidak semua yang bermula di kindergarden, di sekolah dengan ghairahnya pada hari ini menjadi saintis, jurutera, doktor, peguam, pentadbir, penguasa, tauke dan pemimpin politik pada hari hadapan. Bahkan sebilangan besar mereka ini akan menjadi buruh kasar, nelayan, petani, pekerja mahir, kurang mahir, menjadi suri rumah tangga dan pembantu rumah, saintis jurutera, peguam, pentadbir, penguasa, semua profesional ini kita latih dari segi akademiknya, mentalnya, falsafahnya. Tetapi kenapa kita tidak biar begitu sahaja dan tidak ada agenda atau sistem yang teratur untuk melatih buruh kasar, nelayan, petani, pekerja mahir dan kurang mahir menjadi suri rumah tangga dan pembantu rumah secocok dengan kebolehnya untuk masa hadapan mereka atas kemampuan mereka dengan latihan, fikiran dan penerimaan kedudukan yang mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya bahaskan ialah langkah berjimat-cermat kerajaan. Saya berharap semua pihak menerima cadangan dan dorongan saya ini dengan hati yang terbuka. Salah satu darinya ialah memotong peruntukan kewangan kerajaan 2% dan menangguhkan beberapa projek besar negara walaupun ini akan mendatangkan kesan pembangunan negara, tetapi saya tetap menyokong. Tetapi dalam keadaan ekonomi mata wang sekarang, saya menyokong cadangan tersebut. Saya juga turut mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk membeli kereta Proton untuk kegunaan pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan, kerana saya telah lama membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Selanjutnya langkah berjimat cermat ini janganlah dibuat secara token, simbolik dan gampang sahaja. Langkah berjimat cermat hendaklah dibuat secara serius, penuh tanggungjawab dan keberanian. Sehaluan dengan itu, saya ingin mencadangkan perkara seperti berikut. Untuk itu kerajaan dengan secara serius, berani dan penuh tanggungjawab untuk mengkaji secara keseluruhannya sama ada wujud di dalam kerajaan;

- (i) Jabatan-jabatan atau cawangan-cawangan jabatan kerajaan, agensi kerajaan dan syarikat kerajaan yang wujudnya tidak bermakna, membazir dan tidak produktif atau telah tidak relevan lagi, atau wujudnya kerana nostalgia oleh kerana banyak pegawai yang berkedudukan, berpangaruh, berhubung politik yang masih dibiayai disambung perkhidmatannya.
- (ii) Jabatan agensi dan syarikat kerajaan dibuat dan sambung kewujudan, loaded, over staff dan sebagai dumping ground untuk pegawai-pegawai yang tidak berdisiplin, tidak cekap dan tidak produktif, jabatan cawangan dan syarikat ini hendaklah ditutup, dispensed, wind-up dengan segera. Pegawai-pegawainya dipindah, dipencen atau diberhenti dari kerja dengan serentak. Kerajaan mestilah meneliti semula keperluan pejabat kerajaan sama ada ruang berlebihan, pengubahsuaian yang mahal dan tidak bermakna. Ini patutlah dihenti atau dikurangkan ke tahap minimum. Pembelian perkakas kerusi, meja, furnishing pejabat mestilah di peringkat minimum.
- (iii) Kemudahan-kemudahan pegawai kanan seperti kereta, driver, orang gaji mestilah ditilik sedalam-dalamnya. Perkara berikut boleh dilihat semula. Sebilangan kecil sahaja atau head of department sahaja diberi kereta dan driver. Pegawai lain yang sekarang diberi kereta dan driver boleh mengguna kereta sendiri dan diberi menuntut mileage berasaskan kadar yang ada. Driver boleh dipindah dan dipencen, kereta-kereta dijual, utility vehicle van, bas boleh dibeli untuk kegunaan full vehicle, kereta ini mestilah dari kereta buatan Malaysia. Subsidi membeli kereta, motor, peti ice patut dibahagia dua; membeli barang tempatan mengikut government rate, membeli kereta ataupun benda-benda buatan negeri mengikut commercial rate. Pengguna konsultan luaran disekatkan semua sekali atau dikurangkan

ke tahap minimum ataupun jikalau jabatan itu sendiri atau tidak ada di dalam kerajaan. Semua keperluan guaman kerajaan jabatan mestilah dikendali di Jabatan Attorney General ataupun di Sabah dan Sarawak di Pejabat Penasihat Undang-undang negeri-negeri lain masing-masing.

Jikalau Jabatan Penasihat Undang-undang negeri tidak berfungsi mestilah dibubar dan ditutup. Pegawainya boleh dihenti dan dipencen, pegawai-pegawai undang-undang dan agensi dipencen, kemudian dipupus. Jurutera mestilah JKR, Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Ekonomi dan Kerajaan. Kerajaan mempunyai semua kemahiran ini. Ada pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran, kepakaran, pengalaman mencukupi kerana mesti menggunakan pakar dan konsultan luaran. Elakkan peguam, jurutera, perancang ekonomis dan pakar pekerjaan ini menjadi pengurus kepada pakar-pakar luar dilantik kerajaan. Gunakan kepakaran, kebijaksanaan mereka, naik gaji tinggi sedikit boleh, tetapi banyak produktiviti mesti tinggi. Larangan pegawai ini membuang masa di kedai kopi, restoran, kantin, kedai makan waktu pejabat. Kemudahan yang ada di bangunan boleh dihantar makanan dan minuman ke bilik pejabat masing-masing. Kurangkan golf kepada pegawai kerajaan selain daripada pihak atasan, orang korporat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan minta rebate.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak lagi cerita hendak gulung.

Jadi, saya berharap sebilangan kecil cadangan-cadangan saya itu tadi boleh dipertimbangkan. Kita mestilah menggubalkan undang-undang act agar tindakan dan cadangan di atas boleh dikuatkuasakan. Saya berharap sekurang-kurangnya didiklah apa yang telah saya cadangkan dan saya akan bercakap lagi dalam Jawatankuasa nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gaya.

5.08 ptg.

Tuan Philip Yong Chew Lip [Gaya]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengikut perbahasan Belanjawan 1998 dalam sidang Parlimen kali ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah

membentangkan Belanjawan 1998 dalam sidang Parlimen ini. Walaupun Belanjawan pada tahun ini adalah paling ketat, akan tetapi saya berpendapat Belanjawan 1998 adalah boleh diterima oleh semua lapisan rakyat.

Berhubung dengan Belanjawan 1998 saya ingin menyentuh dua aspek yang mana perubahannya kemungkinan akan membawa gejala negatif kepada negeri Sabah. Antaranya ialah kenaikan cukai jalan untuk kereta pemacu empat roda. Bahawa di negeri Sabah faktor geografi yang mana bentuk muka bumi yang bergunung-ganang telah menjadikan hakikat kepenggunaan kereta pemacu empat roda ini digunakan dengan meluas di mana-mana kawasan di negeri Sabah. Justeru itu, kereta jenis ini merupakan alat pengangkutan yang utama yang digunakan untuk tujuan perniagaan, pengangkutan dan aktiviti harian di mana-mana kawasan di negeri Sabah. Memandangkan cadangan kenaikan cukai jalan kereta pemacu empat roda ini akan membawa kesan negatif kepada penduduk di negeri Sabah.

Saya di sini ingin merayu kerajaan agar memberikan pengecualian atau meneliti semula kadar kenaikan cukai jalan tersebut khususnya untuk negeri Sabah. Selain itu, saya juga ingin menyentuh keadaan cukai untuk bahan pembinaan dan cukai import untuk jentera-jentera berat yang digunakan dalam sektor pembinaan. Negeri Sabah telah berkembang ke arah semakin maju sejak beberapa tahun ini. Saya percaya kenaikan cukai dalam sektor pembinaan ini akan membawa kesan negatif dalam proses pembangunan negeri ini. Keadaan negeri Sabah amat berbeza dengan keadaan di Semenanjung Malaysia. Antaranya ialah kos pengangkutan yang tinggi telah mengakibatkan harga bahan-bahan pembinaan jauh lebih mahal daripada pasaran yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian, kenaikan cukai untuk bahan pembinaan dan jentera-jentera berat ini secara langsung mengakibatkan harga rumah, bangunan-bangunan dan lain-lain melambung tinggi dalam pasaran di Sabah. Oleh itu, saya ingin merayu kerajaan agar memberikan pertimbangan khusus dan meneliti semula kadar kenaikan cukai untuk bahan pembinaan ini untuk negeri Sabah supaya kenaikan cukai tersebut tidak menjejaskan pembangunan ekonomi di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengemukakan beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh penduduk di negeri Sabah dan perlu diberi perhatian serta diteliti oleh yang berkenaan. Pemilik kenderaan perdagangan baru atau kenderaan terpakai perlu mengemukakan pelan lukisan kenderaan asal, iaitu termasuk langgar kereta, pengubahsuaian atau tempat duduk kenderaan mereka apabila diuji periksa oleh PUSPAKOM. Bayaran setiap keping pelan lukisan ini adalah di antara

RM1,000 atau RM1,500 dan pelan tersebut mesti mendapat kelulusan daripada jurutera PUSPAKOM sebelum digunakan. Pihak PUSPAKOM juga tidak akan menerima pelan lukisan asal tersebut yang dikemukakan oleh mana-mana agensi atau pertubuhan. Malangnya di negeri Sabah terdapat ramai pengguna yang kurang berkemampuan terpaksa membeli kenderaan yang terpakai ini. Tetapi pemilik kenderaan ini tidak dapat mengemukakan pelan lukisan asal, mengakibatkan pemilik kenderaan tersebut tidak dapat diperiksa oleh PUSPAKOM. Pada hakikatnya model kenderaan yang dikeluarkan sebelum tahun 1994 tidak lagi dikeluarkan oleh syarikat pembuat kereta berkenaan. Jadi, sudah tentu pemilik kenderaan tersebut sukar memperolehi pelan lukisan asal tersebut. Pihak PUSPAKOM juga tidak menerima pelan lukisan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya dasar penswastaaan kerajaan adalah untuk menjimatkan perbelanjaan negara dan membawa kemudahan serta perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang ramai. Tetapi jika dilihat dari segi perkara-perkara yang dilaksanakan oleh PUSPAKOM yang mana-mana memasuki unsur-unsur yang menyukarkan pengguna dalam proses pemeriksaan kenderaan perdagangan ini, ia bukan sahaja tidak menepati matlamat dasar penswastaaan, bahkan unsur-unsur yang menyulitkan pengguna kenderaan ini akan membawa kepada gejala rasuah yang lebih berleluasa dan penyalahgunaan kuasa dalam proses pemeriksaan kenderaan. Sikap dalam pengurusan PUSPAKOM yang keterlaluan yang seolah-olah menyulitkan pemilik kenderaan seharusnya diteliti oleh Kementerian Pengangkutan dan bukan membiarkan perkara yang sedang berlaku berterusan.

Justeru itu, saya di sini merayu agar Kementerian Pengangkutan mengkaji semula masalah yang dihadapi oleh pemilik kenderaan tersebut dan menerima pelan lukisan model kenderaan yang sama demi memudahkan pemilik kenderaan tersebut. Saya juga merayu Kementerian Pengangkutan agar mengecualikan kenderaan yang dikeluarkan sebelum tahun 1994 daripada mewajibkan pelan lukisan kenderaan tersebut. Pada hakikatnya bayaran pelan lukisan tersebut yang agak mahal ini bukan sahaja membebankan pemilik kenderaan berkenaan, tetapi juga menyulitkan pemilik kenderaan tersebut dalam proses uji periksa kenderaan ini oleh PUSPAKOM.

Saya juga menyarankan Kementerian Pengangkutan meneliti semula pengurusan PUSPAKOM yang lebih mementingkan keuntungan daripada perkhidmatan yang akhirnya bercanggah dengan matlamat penswastaaan kerajaan dan akhirnya menimbulkan kesangsian orang ramai terhadap perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah mengebom ikan oleh sesetengah penangkap ikan yang tidak bertanggungjawab di Sabah semakin teruk sejak kebelakangan ini. Pengeboman ikan di laut dan perairan Sabah telah merosakkan keindahan dan terumbu karang dan mengancam kehidupan laut. Malahan aktiviti pengeboman ikan ini akan menjejaskan sumber ikan. Keindahan terumbu karang dan seterusnya menjejaskan perindustrian pelancongan di negeri Sabah pada masa yang akan datang. Pencegahan menangkap ikan dengan bahan letupan dan bahan kimia yang diadakan di Kota Kinabalu pada 14 dan 15 April 1997 mengenal pasti bahawa aktiviti pengeboman ikan ini adalah dilakukan oleh pendatang tanpa izin dan sebahagian kecil nelayan tempatan. Walaupun penguatkuasaan Jabatan Perikanan dan Marin pernah menangkap penangkap ikan yang tidak bertanggungjawab ini, akan tetapi aktiviti pengeboman ikan masih berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, sumber kekayaan semulajadi di negeri Sabah adalah semakin berkurangan, iaitu berikutan dengan penerokaan hutan yang tidak bersistematik dalam masa 30 tahun yang lalu. Kini sumber ikan dan keindahan terumbu karanglah yang merupakan barangan tinggalan semulajadi yang utama di negeri Sabah. Justeru itu, langkah yang bijak perlu diadakan supaya sumber semulajadi iaitu ikan dan keindahan terumbu karang ini perlu dipelihara daripada pemusnahan akibat pengeboman ikan yang berleluasa di perairan Sabah. Untuk mengatasi masalah pengeboman ikan yang berterusan ini, saya mencadangkan pihak berkenaan mesti mengambil tindakan yang serta-merta demi mengelakkan masalah ini berterusan.

Langkah-langkah yang perlu diambil termasuklah menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat, iaitu termasuk mewajibkan sebatan didakwa di bawah Akta Bahan Letupan dan Pembuangan Negeri. Selain itu, pihak berkenaan juga perlu menubuhkan pasukan khas untuk memastikan penguatkuasaan ini supaya dijalankan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan ubat batuk semakin menjadi-jadi di negeri Sabah. Sejak beberapa tahun ini penyalahgunaan ubat batuk telah menjadi masalah sosial yang serius di Sabah. Aktiviti penjualan ubat batuk yang dijalankan oleh ejen yang tidak bertanggungjawab ini telah mengakibatkan ramai pemuda-pemudi terjerumus dalam ketagihan ubat batuk. Pada hakikatnya terdapat golongan yang tidak bertanggungjawab telah menyalurkan bekalan ubat batuk kepada ejen-ejen haram dan seterusnya menjualnya secara haram di premis perniagaan atau di mana-mana sahaja. Keadaan penyalahgunaan ubat batuk di negeri Sabah adalah amat membimbangkan semua pihak. Walaupun pihak polis pernah banyak kali menangkap penjual ubat batuk dan menghadapkannya ke

mahkamah, akan tetapi tindakan ini tidak dapat mengatasi masalah ini dengan berkesan. Ini adalah disebabkan hukuman yang ringan iaitu setakat denda dengan wang ringgit sahaja.

Tindakan yang seumpama ini tidak dapat menakutkan penjual ubat berkenaan. Justeru itu, saya mencadangkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan agar ubat batuk digolongkan di dalam kategori ubat yang merbahaya dan memastikan penjual ubat batuk yang tidak bertanggungjawab supaya dikenakan tindakan undang-undang yang lebih berat seperti mewajibkan penjara dan sebatan. Ini akan dapat menjadikan satu pengajaran dan hakikat yang menakutkan kepada golongan yang memiliki ubat batuk dan ejen penjual ubat batuk secara haram tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kluang.

5.21 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahas pada petang ini. Belanjawan tahun 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merupakan satu pakej yang termatik dan tegas untuk menangani masalah mata wang dan bursa saham yang kini dihadapi oleh negara kita. Saya rasa pada masa yang amat mencabar ini seluruh rakyat terutama sekali sektor swasta yang telah menikmati hasil pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak beberapa tahun yang lalu harus memberi sokongan penuh kepada segala langkah dan dasar yang diambil oleh pihak pimpinan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di negara kita, seperti apa yang dikatakan kita harus ringan sama dijinjing dan berat sama dipikul.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1998 disifatkan sebagai satu Belanjawan yang agak ketat, rakyat Malaysia harus bersedia menerima segala langkah ataupun dasar yang lebih pahit untuk kebaikan bangsa dan negara. Saya yakin ekonomi negara kita akan muncul lebih baik dan kukuh sekiranya negara kita dapat mengatasi cabaran ini sekarang. Seperti yang dimaklumkan umum, salah satu punca utama yang menyebabkan masalah ekonomi kita ialah defisit akaun semasa. Langkah-langkah yang dicadangkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk mengukuhkan imbalan pembayaran termasuk peningkatan duti import atas pelbagai barangan khususnya jentera berat dan kereta mewah adalah dialu-alukan.

Selain daripada import jentera ataupun import jentera berat dan kelengkapan lain, satu lagi sektor yang menyumbang peratusan yang agak tinggi kepada defisit perdagangan negara ialah import

makanan yang semakin meningkat. Menurut satu laporan, bilangan import makanan telah meningkat dari RM5 bilion pada tahun 1992 kepada RM9.1 bilion pada tahun 1996, ataupun sebanyak lebih kurang 27% daripada defisit perdagangan negara kita. Jadi, keadaan ini tidak harus dibiarkan, dan kita harus berusaha untuk memenuhi keperluan makanan dengan sendiri, memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang dikurniakan dengan pelbagai sumber asli yang kaya.

Adalah diperhatikan bahawa Belanjawan 1998 ini tidak memberi tekanan yang mencukupi kepada pembangunan sektor pertanian. Pembangunan sektor ini harus diberikan tekanan yang munasabah walaupun negara kita berwawasan menjadi sebuah negara perindustrian yang maju. Peningkatan keluaran hasil pertanian bukan sahaja membantu memenuhi keperluan makanan dalam negara yang kian meningkat, tetapi juga membantu mengurangkan defisit perdagangan Malaysia. Lebih-lebih lagi eksport hasil pertanian akan memperolehi pertukaran asing. Jadi, untuk mencapai matlamat tersebut, pada hemat saya lebih insentif harus diberikan kepada kegiatan pertanian secara komersial, agriculture dan pertanian bersepadu. Di samping itu, lebih tanah harus diperuntukkan untuk tujuan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk menarik balik pelepasan cukai dua kali ganda bagi ibu bapa yang menghantar anak yang belajar di luar negara merupakan satu lagi langkah bertujuan mengukuhkan imbalan pembayaran. Jadi, walaupun langkah ini wajar, tetapi ia tentu menambah beban kewangan ibu bapa yang bercadang menghantar anak mereka ke luar negara. Sesetengah anak Malaysia terpaksa melanjutkan pendidikan mereka di luar negara atas beberapa sebab yang tertentu termasuk kekurangan tempat belajar di institusi-institusi tempatan, terutama sekali universiti dan kolej awam. Walaupun pihak kerajaan telah berusaha untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dengan membenarkan lebih banyak institusi pendidikan tempatan khususnya institut pendidikan tinggi swasta ditubuhkan, tetapi ia masih belum cukup pada masa sekarang. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan dapat mempercepatkan lagi proses meluluskan institut pendidikan tinggi yang telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan. Mungkin kerajaan dapat menimbangkan pelepasan cukai cuma diberikan bagi pelajar yang mengikuti kursus terpilih di seberang laut jika kursus ini tidak dapat ditawarkan oleh institusi pendidikan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai Ringgit tentu akan mendatangkan kesan buruk kepada semua lapisan masyarakat. Salah satu kesan yang tidak dapat dielakkan ialah tekanan inflasi. Harga barangan import dijangka meningkat. Malah pelbagai barang tempatan yang menggunakan bahan mentah yang diimport juga dijangka menjadi lebih mahal. Usaha kerajaan untuk membendung tekanan inflasi harus disokong meskipun para pengguna tidak pun berasa kesan inflasi yang kian meningkat terdapat para pengguna sudah pun merasai kesan inflasi bahawa harga pelbagai barangan keperluan harian termasuk barangan kawalan harga telah dinaikkan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Walaupun kempen inflasi sifar telah dilancarkan untuk mengurangkan tekanan

inflasi di paras minimum, nampaknya kesan kempen ini tidak mencapai tahap yang diharapkan. Kadang-kadang ini telah menjadi satu bahan ketawa kepada orang ramai, saya minta maaf. Walau bagaimanapun, kempen ini patut diteruskan, tetapi harus dengan pendekatan baru serta lebih dekat dan berkesan.

Kegiatan atau amalan peniaga yang menaikkan harga barangan sesuka hati atas alasan kejatuhan nilai mata wang mestilah dicegah. Walaupun Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berusaha bersungguh-sungguh, termasuk berulang kali mengingatkan orang ramai tentang sasaran kerajaan melalui media massa dan sebagainya, semuanya ini saya berharap unit penguatkuasa harus mengawasi pergerakan harga barangan dengan lebih rapi, lebih melindungi kepentingan para pengguna di negara kita. Ini adalah amat penting memandangkan negara sedang menghadapi keadaan ekonomi yang sungguh mencabar. Untuk mencegah para peniaga menaikkan harga secara sesuka hati, mungkin kerajaan pada masa ini dapat menimbang semula bilangan barangan kawalan harga sama ada jumlah jenis barangan kawalan pada hari ini adalah cukup ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan dana baru yang bernilai RM1 bilion yang bertujuan merangsangkan pertubuhan industri kecil dan sederhana (IKS) amat tepat pada masanya. Adalah diperhatikan bahawa selain daripada dana yang terbaru ini, terdapat juga pelbagai insentif dan kemudahan termasuk insentif kewangan, cukai dan teknikal telah pun disediakan untuk membantu sektor IKS membangun. Malangnya tahap pembangunan IKS khususnya dari segi teknologi dan jumlah eksport masih kurang memuaskan. Dan salah satu punca yang menyebabkan keadaan ini ialah kebanyakan pengusaha IKS tidak sedar insentif atau kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Satu lagi sebab ialah setengah-setengah pengusaha IKS sedar akan kemudahan yang disediakan tetapi mereka berasa amat bimbang dan takut untuk meminta bantuan dari agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pemberian insentif kerana pendekatan birokrasi ataupun red tape yang diamalkan oleh agensi yang berkenaan.

Satu hakikat yang kita harus ingat ialah ramai pengusaha IKS adalah kurang berpendidikan dan mereka kurang memahami peraturan-peraturan rumit yang dikenakan oleh pihak yang berkuasa. Oleh yang demikian, adalah diharapkan bahawa agensi-agensi yang berkenaan mengamalkan pendekatan yang lebih peramah ataupun user friendly semasa mereka berinteraksi dengan pengusaha-pengusaha IKS.

Prosedur-prosedur ataupun peraturan-peraturan tentang permohonan insentif ataupun bantuan patut juga diringkaskan dan dimudahkan, jika tidak pemberian pelbagai galakan dan kemudahan kepada IKS akan tidak bermakna dan seterusnya hasrat kerajaan untuk meningkatkan peranan sektor IKS dalam pembangunan negara ini tidak akan tercapai. Dan untuk kemudahan pengusaha-pengusaha IKS adalah dicadangkan supaya satu badan setempat ataupun one-stop-agency ditubuhkan untuk menguruskan segala insentif dan bantuan yang diberi kepada sektor IKS di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai masalah dan kegiatan dalam alam sekitar telah berlaku pada tahun ini termasuk wabak demam denggi, penyakit virus coxsackie dan jerebu. Walaupun masalah tersebut tidak dapat dielakkan semata-matanya tetapi ia boleh dikurangkan jika langkah-langkah mencegah dirangka terlebih dahulu.

Oleh itu, pemeliharaan alam sekitar patut dijadikan salah satu perkara utama dalam agenda pembangunan negara kita. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga harus diberi tanggungjawab dan kuasa yang mencukupi untuk menangani sebarang masalah alam sekitar.

Dalam krisis jerebu yang melanda negara kita, harus diingati dan merupakan satu pengajaran kepada semua pihak, sungguhpun punca masalah jerebu pada dasarnya tidak dapat dikawal oleh negara kita dengan sepenuhnya tetapi oleh kerana ia seolah-olah merupakan satu kejadian tahunan, maka Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar harus merangka satu rancangan atau dasar jangka panjang menangani jerebu demi menjaga kesihatan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, akhir sekali pembentangan Belanjawan 1998 dijangka memberi satu halatuju yang jelas dalam usaha mengukuhkan ekonomi negara. Selain daripada langkah penjimatan perbelanjaan kerajaan membabitkan perbelanjaan berhemat, meningkatkan eksport dan mengurangkan import yang dijadikan agenda utama, negara kita harus juga mewujudkan satu suasana pelaburan dan perniagaan yang lebih selesa bagi menarik dan meyakinkan pelaburan ataupun pelabur asing masuk ke pasaran tempatan dan saya percaya langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah untuk memastikan faktor asas ekonomi kita terus kekal kukuh dan berupaya menyumbang ke arah pertumbuhan mapan dalam jangka panjang.

Maka kita rakyat Malaysia harus bekerjasama bersatu padu dan menyokong segala usaha kerajaan supaya kita dapat melepasi masalah sekarang dengan tabah dan seberapa boleh bagi memastikan wawasan negara kita dapat berjalan dengan berjaya dan untuk kebaikan rakyat keseluruhannya.

Jadi, itu sahajalah dua, tiga perkara yang dapat saya sampaikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bandau.

5.35 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang bagi pihak saya mengambil bahagian dalam perbincangan Ucapan Belanjawan 1998 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 17 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa ekonomi negara Malaysia berada di persimpangan jalan, setelah mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan purata kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar sebanyak 8% bagi sepuluh tahun berturut-turut. Kini ekonomi negara Malaysia dilanda pelbagai masalah yang kemungkinan akan mengubah struktur dan bentuknya serta mengakibatkan kejatuhan pendapatan dan taraf hidup rakyat biasa khasnya masyarakat di luar bandar.

Masalah ekonomi yang sedang dihadapi dan semua implikasinya kemungkinan besar tidak dapat dielakkan memandangkan kebanyakan punca adalah 'external' dan sebahagian besar adalah di luar kawalan kita seperti masalah kejatuhan nilai mata wang negara. Tambahan pula dalam mana-mana sistem ekonomi termasuk di peringkat dunia, kemakmuran dan kemelesetan sering silih berganti sepertimana yang disebut business cycle. Tugas utama

pihak kerajaan ialah mengurus ekonomi negara dengan cekap dan efisien supaya dapat mengatasi masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menekankan bahawa sebenarnya asas ekonomi Malaysia masih kukuh iaitu Malaysian economic fundamentals, dengan izin, are still strong. Namun demikian pihak kita berpendapat bahawa adalah sesuai bagi kerajaan untuk benar-benar meninjau adakah sebenarnya dengan izin, basic economic fundamentals negara kita adalah kuat dan kukuh memandangkan sambutan pihak swasta dan pelabur kepada belanjawan setakat ini amatlah sejuk dengan maaf, kerana nampaknya sentimen di pasaran modal terus merosot dan juga kadar nilai mata wang asing Ringgit Malaysia terus merosot. Saya difahamkan pada pukul 4.00 petang tadi, nilai US\$1 dengan duit kita ialah RM3.36.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, nampaknya satu daripada matlamat penting belanjawan negara iaitu sekali lagi meyakinkan sentimen pelabur khususnya di pasaran modal setakat ini belum lagi dicapai. Maka dengan ini bererti kita perlu dasar ekonomi yang tepat dan polisi belanjawan, susulan yang lebih efisien serta kerjasama daripada semua pihak khususnya di sektor pengeluaran untuk mengurangkan kos supaya ekonomi negara boleh pulih kembali dalam jangka masa yang panjang. Apa yang penting ialah ketabahan dan pengorbanan khususnya oleh mereka yang berpendapatan tinggi supaya keadaan ekonomi dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1998 telah mengakui bahawa antara masalah yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia ialah defisit dalam akaun

semasa imbalan pembayaran. Krisis kejatuhan nilai mata wang negara dan kemerosotan keyakinan ataupun confidence, dengan izin, oleh pihak pelabur dalam sektor pasaran modal, pihak kerajaan telah memberi jaminan bahawa defisit akaun semasa akan dapat dikawal di bawah paras 5% daripada KNK iaitu kira-kira RM14 bilion bagi tahun hadapan dengan mengawal barangan import khususnya barangan perkilangan dan barangan modal.

Kejayaan kerajaan mengawal masalah ini adalah penting sekali demi memastikan supaya harga barangan tempatan dan perkhidmatan serta upah pekerja tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dengan tahap yang tidak munasabah kerana ini akan mengakibatkan kenaikan inflasi dan dengan itu penurunan status ekonomi rakyat.

Tindakan kerajaan untuk mengurangkan import barangan khususnya barangan yang boleh diperolehi di negara kita adalah dialu-alukan. Duti import yang dicadangkan atas barangan jentera berat pasti akan mengakibatkan kenaikan kos bagi syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan. Tetapi perkara ini tidak dapat dielakkan jika negara kita betul-betul ingin membendung pergantungan kepada barangan import bagi sektor ini. Lagi pun sektor pembuatan tempatan harus digalakkan untuk menggantikan barangan import yang pasti boleh dikeluarkan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengurangkan import kenderaan bermotor, cadangan kerajaan untuk menaikkan duti import adalah berasas khususnya bagi kenderaan atau kereta mewah. Namun demikian, pihak kerajaan harus juga prihatin kepada golongan rakyat yang berpendapatan

rendah atau mereka yang menggunakan jenis kenderaan tersebut sebagai keperluan harian mahupun untuk business atau peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, duti import ke atas kereta empat roda di atas 2000 c.c. dan cukai jalan bagi kereta yang sama haruslah disemak balik khusus bagi kenderaan yang berdaftar di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, bagi kereta empat roda ini jaranglah ada kereta yang empat roda di bawah 2,000 c.c. Bagi kereta misalnya double cabin pun c.c.nya 2,800, bagi Isuzu Trooper yang terkecil pun 2,800 c.c. dan memanglah bagi kereta yang besar-besar khususnya enam silender biasanya itu adalah di dalam lingkungan 3,600 c.c. ke 4,000.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, rasional bagi cadangan ini iaitu untuk menyemak balik duti ke atas kereta empat roda bagi kalangan negeri Sabah dan Sarawak adalah jelas, di negeri Sabah dan Sarawak penggunaan kereta empat roda oleh masyarakat umum adalah amalan biasa memandangkan jalan raya yang tidak berkualiti, ketinggalan zaman dan tidak mencukupi. Jika kereta biasa seperti motokar dan van digunakan, kenderaan seperti ini akan rosak dan usai dalam masa yang singkat kerana keadaan jalan raya yang teruk. Saya rasa kalaulah misalnya kereta Proton Saga dibawa ke kawasan Kinabatangan, kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, barangkali dua kali jalan sahaja sudah balik dengan nut-nut yang sudah lose, dengan izin, berdasarkan kepada keadaan ini maka kita mencadangkan supaya bagi negeri Sabah dan Sarawak, van dan kereta empat roda dikecualikan daripada cadangan kenaikan

duti import. Golongan ini adalah wajar diberi pengecualian untuk mengurangkan beban pengguna dan supaya pembangunan sektor perladangan, perkhidmatan dan perhutanan dikedua-dua negeri tersebut tidak terjejas dari segi produktiviti dan penurunan keuntungan para penguasa dan dengan itu penurunan dengan izin, standard of living masyarakat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1998 kerajaan telah mencadangkan supaya bayaran ke atas dokumen perjalanan antarabangsa dinaikkan daripada RM145 dan RM265 kepada RM300 dan RM600 dan dokumen perjalanan terhad dinaikkan daripada RM60 kepada RM150. Kenaikan ini adalah amat besar iaitu antara 100% ke hampir 200%. Tujuannya ialah untuk memungut hasil dan mempromosikan pelancongan domestik.

Adalah ditekankan bahawa kenaikan bayaran ini akan membebankan rakyat biasa dan mereka yang berpendapatan rendah khasnya para pelajar yang menuntut di seberang laut. Pendapat kita ialah lebih equitable, dengan izin, kepada mereka yang berpendapatan rendah jika cukai keluar atau exit tax dinaikkan kerana langkah ini akan lebih memihak kepada mereka yang berkemampuan dan kerap-kali keluar negeri. Pihak kita berpendapat bahawa kenaikan bayaran pasport tidak akan juga membawa impak yang besar untuk meningkatkan penggunaan sektor pelancongan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang sangat aneh yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini bahkan dua hari yang lalu ialah keputusan kerajaan untuk memansuhkan penggunaan pasport di antara negeri Sabah dan negara Filipina, dengan menggantikannya dengan pas sempadan

ataupun dengan izin, cross border pass. Keputusan ini amat menghairankan kerana bukan sahaja ia bertentangan dengan cadangan belanjawan untuk menaikkan pendapatan negara dengan mengutip bayaran yang lebih tinggi melalui penggunaan pasport, tetapi ia juga bercanggah dengan matlamat kerajaan untuk menyelesaikan masalah kehadiran pendatang asing di negeri Sabah dan negara Malaysia amnya.

Sepertimana yang ditekankan oleh Presiden Parti Bersatu Sabah dalam sidang akhbar pagi tadi, pihak kita membantah keputusan kerajaan negeri untuk memansuhkan penggunaan pasport dan diganti pula sepertimana yang mereka putuskan dengan cross border pass, dengan izin, kerana pihak kita berpendapat, tindakan ini tidak akan menguntungkan negeri Sabah, bahkan negara Malaysia amnya memandangkan masalah pendatang asing masih berterusan dan rakyat asing begitu senang sekali masuk dan keluar negeri Sabah, bahkan di negeri-negeri lain di Semenanjung tanpa dokumen yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, kita membantah kerana berasas kepada beberapa perkara, selain daripada bercanggah dengan cadangan belanjawan untuk mengutip sumber kewangan daripada kenaikan yuran ataupun bayaran kepada penggunaan pasport tetapi kerana kita percaya bahawa pengecualian penggunaan pasport ialah sama dengan mengesahkan kehadiran pendatang asing ke negeri Sabah, dengan izin, the move tantamount to illegalising the flow of illegal imigrant into Sabah, especially those from Southern Phillipines.

Tuan Yang di-Pertua, langkah tersebut akan mendorong kehadiran pendatang asing di negeri Sabah untuk terus bertambah ke tahap yang tambah lagi tidak boleh dikawal.

Kedua, langkah menggunakan pas sempadan atau cross border pass yang membolehkan begitu senang bagi rakyat asing memasuki negeri Sabah ialah sebagai satu tindakan menutup ataupun cover up, dengan izin, kegagalan kerajaan menyelesaikan masalah pendatang asing di negeri Sabah. Kita berpendapat penggunaan pas sempadan akan meningkatkan lagi jumlah pendatang asing di Sabah. Masalah regularisasi masih serius sepertimana yang telah disentuh di Dewan yang mulia ini dua minggu yang lalu, di mana kira-kira 80,000 pekerja asing belum lagi dihantar pulang daripada negeri Sabah.

Mereka ini adalah mereka yang tidak mempunyai majikan, maka layak ataupun mesti dan perlu dihantar balik ke negara masing-masing. Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ialah setakat bulan September 1,055 orang sahaja dihantar ataupun kira-kira 1,000 dalam satu bulan, kalau 80,000 ertinya mahu 80 bulan barulah boleh dihantar mereka. 80 bulan adalah kira-kira tujuh tahun sepertimana yang saya pernah tekankan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini begitu subur sekali, senang untuk beranak dan bertambah dan kalau kita anggap 80,000 mereka ini setengahnya adalah wanita dan ini biasa bagi masyarakat ini, mereka ini muda-muda mesti sihat semua dan mereka punya multiplication proses itu cepat sekali, Tuan Yang di-Pertua. Kalau satu tahun satu anak, 40,000 orang beranak dalam tujuh tahun 280,000. Jadi, dia punya jumlah di luar kawalan pihak negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, masalah ini nampaknya tidak diperhatikan daripada menyelesaikan masalah ini pula mahu mengelakkan penggunaan pasport dan menggunakan pula sekadar sistem pas sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, memansuhkan penggunaan pasport negeri Sabah, dengan izin, has essentially given up the fundamental principle of national sovereignty and control immigration. Ertinya yang ditekankan di sini seolah-olah kita ini telah akur kalah dan dari segi territorial integrity negara kita dan dari segi usaha untuk mengawal soal imigresen di dalam negara kita.

Kita sedia maklum, rakyat Semenanjung ke negeri Sarawak perlu menggunakan pasport untuk melawat di sana dan ke Sabah pula perlu menggunakan kad pengenalan dan Borang 114. Tetapi semuanya kerana sepertimana yang ditekankan dalam Perjanjian Malaysia maka ini adalah asas syarat-syarat yang tertentu yang telah ditubuhkan pada masa negara kita dibentuk.

Jadi, bagi rakyat kita, saudara kita dari Semenanjung ke Sarawak pun perlu dokumen yang sah dan ke negeri Sabah perlu juga menggunakan pas-pas yang tertentu, tetapi nampaknya cadangan pula iaitu bagi negara asing melawat negeri Sabah iaitu negara kita sendiri, negara Malaysia hanya menggunakan border pass sahaja. Keuntungan negara Malaysia dan negeri Sabah daripada perlaksanaan sistem tersebut adalah tidak menentu, dengan izin, doubtful. Pada masa kini kehadiran pendatangan dan pekerja asing di negara Malaysia adalah satu kerugian dari segi pengaliran wang negara yang tidak terkawal kerana penghantaran wang adalah unofficially transacted, dengan izin.

Tugas utama kerajaan haruslah menyelesaikan masalah pendatang asing di negeri Sabah dan negeri-negeri lain dalam negara kita dan bukan bermain-main dengan langkah-langkah yang akan memudaratkan keselamatan negara. Saya berharap dan pihak kita berharap supaya Kerajaan Persekutuan akan berjaga-jaga di dalam perkara ini kerana kita difahamkan proposal cadangan ini sudah pun diluluskan oleh kerajaan negeri, telah dan sedang diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk kelulusan seterusnya. Pihak kita berharap bahawa masalah yang sudah kita nikmati di negeri Sabah dan negeri yang lain hasil daripada masalah kehadiran pendatang asing ini kita urus dengan baik-baik, kalau tidak negara kita Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi negara bukan yang kita amalkan sepertimana kita katakan dalam Wasasan 2020 tetapi negara yang tiada tempat bagi anak-anak dan cucu-cucu kita di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, kenapa kita membantah perkara ini adalah kerana ini satu langkah yang memang tidak bijaksana, tidak masuk akal bagi Kerajaan Negeri Sabah menggunakan rasional, katanya ketidakupayaan rakyat memperolehi pasport sebagai sebab kenapa kita harus mengelakkan penggunaan pasport dan menggunakan pula pas sempadan ataupun cross border pass.

Kita begitu hairan sekali kalau tujuannya adalah trade and investment, maka para saudagar-saudagar dan para investor entrepreneur dengan izin, dari kedua-dua kawasan negeri Sabah ataupun negara Malaysia keseluruhan dan Southern Mindanao kenapa mereka ini tidak mampu untuk menggunakan pasport, kalaulah tujuannya ialah khusus untuk business dan untuk pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebab-sebab yang disentuh oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Tham Nyip Shin apabila menjelaskan perkara ini ada sebab-sebab yang kita boleh buang di tong sampah kerana ia satu sebab yang seolah-olah negara kita sudah kehabisan modal untuk meningkatkan kemakmuran negara kita sampai kita mahu abaikan national sovereignty dan membenarkan penggunaan border pass menggantikan passport di negara kita dan di antara negara asing.

Kita berpendapat Tuan Yang di-Pertua, jika pas sempadan perlu dilaksanakan di antara negara-negara ASEAN ia harus dilaksanakan di kawasan di mana dengan izin, there is control imigration where there is properly regulated flow of travellers dan bukan daripada tempat-tempat di mana pendatang asing keluar masuk dengan begitu sukar sekali dikawal.

Jadi, dalam perkara ini dan saya katakan tadi bukan di kawasan atau di tempat kehadiran rakyat asing berleluasa, ini kerana langkah tersebut akan sekadar menambah masalah pendatang asing di negeri Sabah dan di negara Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mahu sentuh soal peruntukan yang telah diberi oleh kerajaan bagi pembangunan luar bandar dan dalam perkara ini saya ingin sentuh beberapa perkara yang ada kaitan dengan kawasan Bandau. Kita bersyukur kepada kerajaan kerana peruntukan bagi pembangunan luar bandar sejumlah RM2.08 bilion dan kita berharap bahawa agar peruntukan ini akan sampai kepada sarannya khususnya di peringkat kawasan dan mereka yang memerlukan pembangunan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, pembangunan program bagi rakyat termiskin (PPRT) kita berharap bahawa kerajaan akan terus memastikan supaya mereka yang perlu dibantu kerana miskin akan dibantu tanpa mengira soal politik, Menteri Pembangunan Luar Bandar sentiasa menegaskan bahawa poverty smells no political elegians, dengan izin, kita berharap itu akan terus diamalkan dan bukan sekadar kata-kata tetapi satu langkah yang benar-benar dilaksanakan kerana barangkali walaupun dasar kerajaan begitu, tetapi apabila sampai di peringkat kawasan, di peringkat bahagian dan cawangan, biasanya adalah soal politik itu dikaitkan sebagai asas untuk memberi bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

Kita berharap saya mempunyai beberapa bukti yang saya akan tulis kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar, di mana seorang isteri kepada cikgu misalnya mendapat pinjaman ASB yang harusnya ia tidak layak ataupun ketua cawangan parti Barisan Nasional mendapat bantuan perumahan dan bukan pula mereka yang betul-betul miskin.

Jadi, kita harap masalah-masalah ini akan diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Satu lagi misalnya di pekan Tandek, satu tugus desa wawasan telah diperuntuk pada satu tahun setengah yang lalu sampai sekarang masih dikelilingi dengan lalang dan nampaknya pembangunan seterusnya belum lagi diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah keperluan klinik di pekan Tandek yang dibina pada masa British lagi, sampai sekarang hampir roboh tempat itu dan harusnya pada peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi saya difahamkan belum ada. Saya berharap agar di dalam semakan Midterm Review, dengan izin mahupun tahun ini, tahun depan perhatian diberi bagi memperbaiki ataupun meningkatkan taraf klinik ini kerana ia satu lokasi yang begitu strategik dan tumpuan orang ramai daripada bukit-bukit di pekan Tandek.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Mas Gading.

5.55 ptg.

Dr. Patau Rubis [Mas Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak parti STAR, ingin mengucapkan tahniah atas kebijaksanaan dan keberanian kerajaan mengambil langkah yang serius dan baik untuk menyelamatkan krisis mata wang dan bursa saham kita. Oleh yang demikian saya bangun untuk menyokong Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Rang Undang-undang Belanjawan tahun 1998 dibaca kali kedua sekarang dan bahawa Usul mengikut

seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 diedarkan kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis diterima juga.

Sokongan penuh ini dibuat dengan harapan dan doa semoga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dapat bersama-sama mengambil tindakan yang lebih perlu sewajarnya supaya pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara dapat terus maju ke arah impian dan matlamat Wawasan 2020. Harapan jua bahawa nilai Ringgit Malaysia terus ditahan ke tahap yang kukuh, stabil dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita membangunkan negara ke tahap ekonomi yang matang, kukuh dan bersaing setempat dengan niat cabaran (8) dan (9) Wawasan 2020, izinkan saya mengingatkan majlis yang mulia ini sikap positif mengikut mesej sepuluh perkataan dalam bahasa Inggeris, patut diingati, ialah 'if it is to be, it is up to me', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, ertinya, apa sahaja yang boleh berlaku atau terjadi, terpulanglah kepada mood. Mesej yang penting ini untuk ASEAN Malaysia dan kita semua ialah terkandung dalam perkataan tersebut. Untuk ASEAN, krisis mata wang AASEAN jatuh merudum dan serius dan seterusnya bursa saham-sahamnya jatuh merudum, dapat atau tidak diselesaikan terpulanglah kepada tindakan yang diambil oleh negara-negara di Asia.

Bersatu dan teguh semua negara, berusaha dan bersuara, ASEAN boleh. Pecah dan berlainan jalannya ASEAN sekarang dan selamanya akan mengalami masalah ekonomi kerana ekspektasi luar. Jikalau kita harap kambing menjaga kebun sayur, laparlah kita. Di sini saya memohon

pemimpin-pemimpin di semua peringkat dalam atau luar negara yang berkenaan, supaya bertindak dengan bersuara bersama dalam isu begging mata wang masing-masing, budaya kita menghormati mata wang masing-masing dan penjimatan wangnya supaya imbalan akaun semasa lebih baik dan simpanan negara lebih tinggi.

Untuk mengukuhkan ekonomi negara-negara di rantau Pasifik apakah kebbaikannya jikalau semua negara dapat menerima ekonomi bersepadu mengikut garis panduan ICU di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, bersendirian pasar kita kecil berbanding dengan pasaran yang lain dan boleh dilandakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti yang sudah berlaku tetapi bersatu ASEAN boleh bersaing dan maju.

Keduanya, untuk Malaysia mengikut keadaan terkini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja boleh merawat penyakit mata wang kita. Betul tindakan ringgit akan pulih, salah ubat lemahlah Ringgit. Sokongan penuh bagi tindakan yang dicadangkan oleh timbalannya mungkin pulih masalah ekonomi, salah langkah boleh membawa keadaan yang lebih tidak menentu, sakit lagi ekonomi kita. Soros di luar, luar kuasa kita, tetapi bagi Soros di dalam ambillah tindakan dengan segera, jikalau ikan bilis ditahan, ikan jerung lebih perlu dikawal. Kuat-kuat ekonomi kita seperti kayu yang sihat dan besar akan terjadi lemah jikalau anai-anai yang memakan akar-akarnya dibiarkan sahaja.

Harapan kami ialah mudah-mudahan kata kami di Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ada racun serangga untuk membunuh anai-anai yang memakan akar-akar ekonomi kita sekarang. BPR, Polis DiRaja Cawangan Khas, ISA semuanya boleh digunakan atas ikan-ikan jerung tertentu khasnya ke atas mereka yang ada akaun-akaun di luar negara.

Saudara dan kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sudah berkata betapa bahayanya ahli korporat yang talam bermuka dua. Apakah adanya ahli politik dan pemimpin-pemimpin politik yang bersama atau bermuka multiple, berlebihan dari dua, empat, lima atau sepuluh mengikut keadaan di mana tempat mereka berucap atau mereka bertindak.

Ini dengarlah baik-baik perbincangan ahli-ahli politik dan rakyat biasa di kedai kopi, mereka boleh menunjuk jari kepada ahli politik yang ‘talam bermuka dua’.

Tuan Yang di-Pertua, betul atau tidak betul berilah tugas kepada BPR dengan Polis Cawangan Khas untuk mencari buktinya.

Ketiga, untuk kita semua, kita perlu khasnya ahli-ahli politik dan seterusnya pemimpin-pemimpin yang berkuasa sedar bahawa budaya politik wang akan menghebatkan budaya rasuah di negara kita. Atas kesedaran ini kita perlu menukar sikap rakyat supaya pengaruh politik wang dikurangkan, jikalau boleh dihapuskan.

Jikalau tidak dikawal atau diatasi, kita akan dijajahi oleh golongan terkaya dan seterusnya akan dikawal oleh orang yang terkaya tetapi tidak

bermoral seperti anak-anai dan ikan jerung. Merekalah akan menelan kekuatan ekonomi kita. Mereka akan mengurangkan efficiency ekonomi kita, nilai mata wang kita akan terus menurun berbanding dengan ekonomi dengan nilai wang di dalam ekonomi yang lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi 'if it is to be, it is up to me', dengan izin. Haraplah semua pemimpin Barisan Nasional yang berkuasa sekarang sedar bahawa kedudukan mata wang kita bergantung atas bahu mereka. Khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya, merekalah boleh bertindak supaya polisi fiscal dan monetary kita tepat untuk menarik balik keyakinan orang ramai ke atas khasnya pelabur-pelabur yang besar dalam atau luar supaya nilai mata wang kita dapat kekal di paras yang berpatutan dan stabil. Begitu juga pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab membuat belanjawan setiap tahun. Apa yang perlu dipotong mesti dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah langkah-langkah spesifik yang diperlukan dalam strategi belanjawan kita supaya pembaziran wang dapat dikawal dan dikurangkan. Keduanya, cara-cara pelaksanaan projek-projek kecil atau besar supaya penjimatan wang dapat berlangsung. Dokumen tender mesti dibuat dengan spesifik mengikut kehendak jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian tertentu supaya pembaziran wang melalui virement dan lain-lain dapat dihentikan.

Haraplah projek yang besar juga atau mega projek jikalau diswastakan masa hadapan diberi kepada mereka yang mampu di segi kewangan dan ada

rekod yang bersih dari segi pengurusan wang atau dalam undang-undang negeri dan negara.

Ketiganya, kerana adanya politik patronage di Malaysia, kerajaan dan rakyat perlu memikir semula peranan politik habuan dalam membolehkan ekonomi kita bersaing dan ahli korporat kita yang dibesarkan boleh bersaing dalam zaman globalisasi sekarang. Ahli korporat yang mengguna nama penaung yang besar-besaran dalam Malaysia bolehkah mereka berniaga di luar negara. Adakah mereka ahli korporat yang efisien jikalau tidak apakah kesan buruknya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah isu-isu yang boleh kita atasi, inilah isu dalam negara kita dalam kuasa Kerajaan Barisan Nasional. Kerana isu yang lain yang ditimbulkan dan dibangkitkan oleh beberapa kawan saya itu isu luar, tetapi isu-isu dalam negara yang kita boleh ambil langkah atau tindakan untuk membaikkannya, itu kita patut buat. Kerana seperti yang saya katakan awal tadi, 'if it is to be, it is up to me', dengan izin. Semua yang bekerja daam kerajaan dengan semua ahli politik Barisan Nasional boleh menentukan keadaan Malaysia akan datang nilai mata wang kita. Jikalau kita biarkan umpamanya rasuah terus berleluasa, tidakkah kita dengan sendirinya menurun nilai Ringgit kita sendiri.

Jikalau bank-bank kita tidak efisien dari segi pengurusannya, dengan perlu faedahnya lebih tinggi berbanding dengan negara-negara yang lain tetapi dibayar untuk orang yang melabur kurang dan margin profitnya lebih besar,

hendakkah kita menurun dengan sendirinya nilai ringgit kita berbanding dengan ekonomi yang lain.

Sudah lama berapa tahun kita untung kerana melalui plaza accord, nilai US Dollar dengan sendirinya menahan nilainya, kini accord plaza sudah lapuk, dengan ini Ringgit kita bersaing dengan unit US Dollar mengikut value sebenarnya.

Inilah keadaan yang saya harap pemimpin-pemimpin yang berkuasa memikir baik-baik dan imbas kembali apakah tindakan yang boleh mereka ambil supaya kita dari segi ekonomi boleh bersaing berbanding dengan negara-negara yang lain kerana tak payahlah kita bandingkan Ringgit kita

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Patau Rubis: Bolehlah.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading tahu dan faham tentang isu-isu dan masalah yang sedang menimpa kita dan juga saya berasa puas hati dan bangga oleh kerana beliau telah menyebut beliau menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, tetapi saya ingin minta penjelasan, kalau begitu, mengapa beliau melalui parti STAR beliau masih juga dalam pilihan raya yang lepas melawan calon-calon Barisan

Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita?

Dr. Patau Rubis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia sendiri tahu jawapannya. Parti STAR belum melawan Barisan Nasional lagi, belum. Saya belum keluar dari Barisan Nasional, saya ditendang keluar, Tuan Yang di-Pertua, bukan pilihan saya memotong rambut saya. Kawan saya tahu jawapannya, fitnah-fitnah yang dibuat bukannya betul, kalau betul bawalah ke mahkamah.

Tetapi jawapannya Tuan Yang di-Pertua, saya belum melawan lagi, parti STAR belum melawan lagi, dahulu saya berdiri menahan perjuangan saya untuk menyelamatkan keadaan yang boleh menolong negeri dan negara. Saya masa dalam Barisan Nasional menuntut keadilan. Bukan untuk saya, untuk parti SNAP tetapi akhirnya inilah gambarannya Tuan Yang di-Pertua, STAR, bukan 'saya tidak ada rambut', macam kata kawan saya dari Yan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya, STAR untuk kawan saya Ron, saya sentiasa angkat Ron, kawan saya dari Parit yang Sulonglah, tetapi dia ada di luar Dewan. Tetapi sebenarnya, saya 'sentiasa tak amal rasuah' kerana saya tahu jikalau kawan saya itu bertanya dengan satu Dato' di negeri Sarawak, berapa tahun dahulu sudah saya cakapkan jikalau kita dengan kawan-kawan saya dalam Barisan Nasional tidak dapat mengurangkan pengaruh politik wang dengan rasuah, terus berterusan, walaupun dari segi legal tidak dapat ditangkap kerana senang sahaja kita elak rasuah, declare interest sudah cukup Tuan Yang di-Pertua.

Saya berkata dengan kawan saya nilai Ringgit kita pada masa hadapan S\$1 akan hampir RM2, sekarang sudah tiba, itu ramalan saya dahulu. Okay, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada lagi sedikit perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, tidak ada injury time?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, izinkan saya menarik perhatian Kerajaan Pusat kepada isu diarah yang spesifik. Pertamanya, dilema bangsa Melayu Sarawak. Di sini adalah satu buku, bukan saya buat [*sambil menunjukkan sebuah buku*] tetapi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) Untuk makluman orang-orang yang berminat sahajalah, saya bawa ini kerana sakit ini berapa tahun sudah, kawan saya di sana senyum sahaja, dia kata, saya sudah kena buang baru UMNO masuk Sarawak, tetapi sebabnya ini Tuan Yang di-Pertua, ini untuk semua orang UMNO, ahli UMNO, dengan ada juga menteri-menteri UMNO diberi naskahnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada rayuan mereka ialah saya petik: '*kebanyakan orang Melayu didiskriminasikan dalam agihan peluang-peluang ekonomi*', itu satu dari apa yang ada di sini, Tuan Yang di-Pertua. Dalam buku ini juga ada seksi dari *buku River of Dry Tears - The Poor Malays of Sarawak*, oleh Datuk Amar Abang Yusof Puteh, bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Saya tidak hendak mengulas apa-apa, Tuan Yang di-Pertua, hanya siapalah kawan-kawan saya dalam Barisan Nasional mahu naskah buku ini mereka boleh memohon daripada Yang di-Petua PKMS, Datuk Amar Abang Yusof, saya boleh menolong kerana maklumat di sini penting. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dr. Patau Rubis: Okay, dengan ringkasnya ada sedikit, Tuan Yang di-Pertua, keduanya, sekitaran ketua kampung, tuan rumah dan kapitan Cina, ini sudah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, dengan masuk pindaan Rang Undang-undang Tanah Negeri Sarawak akan membahayakan kedudukan sosial dan ekonomi di negeri Sarawak pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya dengan tiga rangkap pantun.

*Tanah Miri banyak ertinya
Hidup Asia setengah sepi
Perdana Menteri berhati-hati
Hidup Malaysia lagi di tepi*

*Pangkalan Miri tempat bermandi
Iban terkurung di atas peti
Timbalan Perdana Menteri berhati-hati
Ikan jerung belum puas hati*

*Pangkalan Miri tempat bermandi
Pangkalan burung imbas kembali
Timbalan Perdana Menteri berhati-hati
Kumpulan jerung sudah panas hati*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sri Gading.

6.20 ptg.

Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]: Assalamualaikum. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Belanjawan 1998.

Pembentangan Belanjawan 1998 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu, di kala negara dilanda jerebu dan menghadapi turunnya nilai mata wang Ringgit yang merupakan satu ujian kepada semua pihak, sama ada pihak kerajaan ataupun pihak rakyat jelata.

Di samping pembentangan Belanjawan 1998, Yang Amat Berhormat sering tidak lupa memperingatkan kepada kita semua supaya sentiasa beringat, berjimat serta menjauhi daripada sebarang pembaziran sesuai dengan Firman Allah S.W.T. dalam kitab suci Al-Quran yang berbunyi [*membaca Ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Bahawasanya orang-orang yang membazir adalah mereka itu daripada saudara-saudara syaitan.*”

Peringatan dan nasihat supaya berjimat-cermat dan menjauhi pembaziran bukan sahaja dilakukan oleh beliau dalam keadaan ekonomi yang sedang merudum, tetapi juga sejak beberapa tahun lalu, sejak nilai kewangan kita masih mantap, iktibar dari kisah takbir mimpi Nabi Yusof a.s. dalam kitab suci Al-Quran bagaimana menangani masalah tujuh musim menuai dan tujuh tahun lagi musim kemarau.

Kita belum pun sampai tujuh tahun musim menuai ataupun musim mewah, ekonomi kita telah diserang diuji dan apa yang kita harap-harapkan

supaya keadaan seperti ini tidak akan berlanjutan selama tujuh tahun ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya atas usaha yang bersungguh-sungguh dari pihak kerajaan dan sokongan padu oleh semua pihak masalah turunnya nilai mata wang pada hari ini akan pulih seperti sedia kala, malah mungkin akan melonjak ke arah satu keadaan yang lebih cemerlang lagi daripada apa yang telah kita alami.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama, mufti. Jawatan mufti adalah merupakan di antara jawatan tertinggi di bidang agama sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri. Ianya sama ada merupakan kenaikan pangkat oleh pegawai-pegawai tadbir agama, kadi-kadi atau kadi besar dilantik jadi mufti ataupun dipilih daripada bekas pegawai-pegawai agama atau tokoh-tokoh agama yang telah bersara sama ada perlantikan itu secara kontrak ataupun dilantik seumur hidup yang tidak pencen-pencen. Mereka ini difikirkan berkelayakan dilantiklah jadi mufti tanpa ada latihan-latihan yang khusus di bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, saya sukalah mencadangkan khususnya kepada Kerajaan Pusat supaya menubuhkan sebuah institusi yang dinamakan Darul Iftaq yang memberi latihan yang lebih mantap di bidang fatwa kepada mereka yang bakal dilantik atau telah menjawat jawatan mufti.

Darul Iftaq tersebut bukan sahaja dianggotai oleh pakar-pakar di bidang hukum tetapi juga dianggotai oleh pakar-pakar di bidang perubatan, ekonomi

dan sebagainya yang memerlukan kajian tertentu sebelum diputuskan sesuatu fatwa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini banyak perkara yang berlaku yang tidak berlaku di zaman lampau yang memerlukan ijtihad bagi menentukan harus atau tidak, halal atau haram seperti hukum memindahkan organ-organ manusia kepada orang lain yang memerlukan bagi meneruskan kehidupan. Ini memerlukan kepada kajian-kajian pakar-pakar perubatan. Begitu juga umpamanya bagi menentukan sesuatu muamalah jual beli saham dan sebagainya, ini memerlukan kajian daripada pakar-pakar ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya hendak menyentuh masjid atau tempat hendak mendirikan solat Jumaat, mendirikan solat Jumaat adalah merupakan kewajipan bagi umat Islam yang cukup syarat. Kebanyakan masjid-masjid terutama di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur ini sudah tidak muat dan melempah-lempah bagi menampung jemaah yang ramai.

Ini suatu pertanda baik kerana ramai orang sembahyang makin baiklah keadaan itu. Negara kita bukan seperti negara lain seperti Arab Saudi, Mesir dan lain-lain yang tidak banyak hujan, mereka boleh sembahyang di jalan-jalan raya, di tempat-tempat yang tidak berbumbung dan sebagainya, tetapi negara kita yang sering ditimpa hujan, sembahyang Jumaat yang melempah sampai ke jalan raya atau tempat yang tidak beratap adalah tidak wajar.

Bayangkanlah, apabila jemaah sedang sembahyang dan hujan turun dengan lebatnya, sudah tentulah mereka tidak dapat meneruskan sembahyang. Oleh itu, saya harapkan kepada JAKIM dan kerajaan-kerajaan negeri supaya

membuat kajian dan mengatasi perkara ini. Di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur ini sebelum lebih banyak lagi masjid-masjid didirikan bagi menampung para jemaah yang melempah, saya mencadangkan supaya lebih banyak lagi surau-surau dan tempat sembahyang yakni musolla sama ada rumah-rumah pangsa yang didiami oleh ramai penduduk Islam supaya dibenarkan dijadikan tempat untuk mendirikan solat Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, masalah buta Al-Quran. Pada masa ini sering diperkatakan tentang kelemahan umat Islam membaca apa lagi memahami kandungan Al-Quran. Pelajar-pelajar di sekolah rendah, menengah sampailah kepada orang dewasa ramai yang tidak tahu membaca Al-Quran. Ibu bapa, datuk nenek kita dahulu walaupun mereka sebahagiannya tidak tahu membaca dan tidak tahu menulis, tetapi mereka tahu membaca Al-Quran, mereka belajar dengan mendengar daripada guru-guru, kemudian mereka ikut dan akhirnya mereka pandai membaca Al-Quran, walaupun dia membaca surat khabar tidak erti, tetapi kalau dibuka sahaja di mana dalam Al-Quran, dia boleh membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, Al-Quran adalah mukjizat peninggalan Rasulullah s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w. juga tidak tahu membaca dan tidak tahu menulis. Baginda belajar Al-Quran daripada Malaikat Jibril dengan cara Jibril membaca dengan Ayat yang pertama diturunkan Iqra', kemudian Nabi pun ikut dan akhirnya Baginda membaca Al-Quran.

Untuk itu, bagi mengatasi masalah buta Al-Quran, saya mencadangkan lebih ramai lagi guru yang mahir Al-Quran dihantar ke sekolah-sekolah dan

diberikan masa yang secukupnya bagi pelajar Al-Quran sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan sebagainya dan belajar Al-Quran melalui komputer juga patut digalakkan.

Bagi orang dewasa suatu galakan yang menyeluruh mesti dilakukan sama ada di masjid-masjid, surau-sarau atau pejabat-pejabat kerajaan bagi umat Islam membaca, mempelajari serta memahami serta mengamalkan Al-Quran. Ini mesti dilakukan, sebagai contoh yang terbaik yang telah dilakukan oleh negeri Johor, pembudayaan Al-Quran seperti yang dilakukan pada masa ini telah banyak membantu kepada umat Islam di Johor boleh membaca Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja khususnya di kalangan umat Islam, melentur buluh biarlah dari rebung. Peranan orang ramai, ibu bapa terutama badan-badan dakwah mestilah digerakkan secara menyeluruh hingga ke akar umbi, penerangan, ceramah, Forum Perdana sahaja tidak mencukupi bagi pembentukan akhlak mulia itu, ianya mestilah disertakan dengan amalan.

Untuk itu saya mencadangkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sementara menunggu keputusan SPM perlu dikumpulkan dan diberikan latihan secukupnya segala amalan-amalan sama ada fardu ain, amalan-amalan Sunnah, zikir-zikir dan pemantapan dari segi akidah perlu ditekankan bagi melahirkan insan mulia yang punya keimanan dan ketahanan diri.

Saya mencadangkan supaya diwujudkan sebuah pusat dakwah kebangsaan yang serba lengkap dan juga Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) perlu diperkembangkan dan diperluaskan ke peringkat negeri-negeri

dan daerah-daerah, semua badan-badan dakwah di seluruh negara perlu diselaraskan kegiatannya.

Yang kelima, pembasmian kemiskinan perlu diteruskan tetapi pelaksanaannya mestilah berhati-hati dan dikawal dengan lebih ketat. Kita tidak mahu wang sebanyak RM330 juta bagi tujuan tersebut tidak mencapai matlamat yang diharap-harapkan.

Bagi rakyat negara kita, sukar kita mempercayai wujudnya orang-orang yang sihat tubuh badan, boleh tergolong dalam golongan miskin. Rezeki yang melempah ruah serta peluang-peluang pekerjaan yang banyak, yang boleh diterokai, ianya mungkin wujud adalah disebabkan keuzuran orang-orang tua atau yang sengaja malas bekerja membiarkan dirinya dilanda kemiskinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Hamzah bin Ramli: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

